

"ORANG-orang yang layak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu hanyalah mereka yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendirikan sembahyang dan membayar zakat serta tidak takut melainkan kepada Allah. (Dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka mudah-mudahan mereka termasuk dalam golongan yang mendapat petunjuk".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah at-Taubah, ayat 18.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.42 | SUBUH 4.52 | SYURUK 6.15 | DUHA 6.39 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.51 | MAGHRIB 6.38 | ISYAK 7.52 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 85 | 18 JULAI 2026 / 1448 3 صفر | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

Berita Utama

Berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja



KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit (Lihat muka 3 hingga 5).



MMN adakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Muka 17



MAJLIS Kesyukuran raikan 2 anak damit lahir 15 Julai

Muka 21



MAJLIS Ilmu Muslimah perkasa penghayatan iman, hijrah

Muka 28



RENCANA

MERAFAK sembah menjunjung kasih

Muka 29

GENERASI MUDA PEMANGKIN KEMAJUAN NEGARA

Oleh : Hajah Siti Zuraihan
Awang Haji Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah melahirkan harapan untuk melihat generasi muda berperanan lebih bermakna, bukan sekadar jadi penonton kepada perubahan dan penggunaan teknologi ciptaan orang lain tetapi juga perlu bangkit sebagai pencipta, pemikir dan pemimpin berwawasan.

>> Muka 6

KEBAWAHA Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit.



Kontinjen negara bersedia menyahut cabaran di Sukan Komanwel Glasgow 2026

Bismillaahir Rahmaanir Rahim,
Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Dengan penuh syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin-Nya jua, Alhamdulillah kita sekali lagi dapat berhimpun pada pagi ini, bagi Majlis Penyerahan Bendera kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Komanwel Glasgow 2026, yang akan diadakan dari 23 Julai hingga 2 Ogos 2026.

Selawat dan Salam ke atas Rasul junjungan kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Kaum Kerabat, Sahabat-Sahabat, serta pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi jujur, hingga ke akhir zaman.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih, kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di atas sokongan yang diberikan kepada Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam akan menghantar kontinjen seramai 12 orang yang terdiri daripada 1 Chef de Mission, 2 orang pegawai urus setia, dan 3 orang Jurulatih dan 6 orang atlet dalam 3 acara Sukan, iaitu Sukan Angkat Berat (1 atlet lelaki), Sukan Olahraga (1 atlet wanita dan 1 atlet lelaki) dan Sukan Renang (2 atlet wanita dan 1 atlet

lelaki).

Dalam hubungan ini, Saya sukacita mengucapkan tahniah, kepada atlet - atlet yang terpilih untuk mewakili Negara terutama sekali atlet Sukan Angkat Berat yang mana telah pun sekali lagi berjaya melayakkan diri ke acara 65kg dalam Sukan Angkat Berat di Sukan Komanwel Glasgow nanti. Pencapaian atlet Sukan Angkat Berat ini hendaklah dijadikan contoh kepada semua atlet - atlet kebangsaan untuk sentiasa berusaha dengan lebih gigih untuk melayakkan diri bukan saja bagi Sukan Komanwel malah bagi semua sukan yang akan disertai Negara Brunei Darussalam seperti Sukan Olimpik, Sukan Belia Olimpik, Sukan Asia dan sebagainya.

Dalam pada itu Saya yakin bahawa semua atlet - atlet yang terpilih di sini telah sedia maklum akan peraturan-peraturan Anti-Doping yang dikuatkuasakan oleh World Anti Doping Agency (WADA), yang mana hendaklah dipatuhi di sepanjang masa.

Selain itu, saya mengingatkan kepada semua atlet dan pegawai - pegawai yang akan mewakili Negara di Sukan Komanwel Glasgow untuk sentiasa menjaga disiplin di sepanjang Sukan Komanwel, bagi sama-sama menjaga nama baik Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, Saya ingin mengingatkan kepada atlet kita yang akan mewakili Negara di Sukan Komanwel Glasgow untuk bertanding dengan penuh bersemangat juang yang tidak kendur-kendur dan bukannya hanya sekadar penyertaan sahaja.

Berilah tumpuan dan komitmen ke atas pertandingan abiskita, kerana Saya percaya inilah salah satu pemangkin yang bakal membawa abiskita ke arah kecemerlangan dan gunakanlah kesempatan ini untuk membuktikan kebolehan abiskita.

Penyertaan Kontinjen Negara pada kali ini telah menyenaraikan penyertaan wanita yang terdiri 3 orang atlet dan 1 orang Chef de Mission, yang mana ini menunjukkan yang kita sentiasa mengutamakan penyertaan wanita dalam sukan secara inklusif, bagi memastikan keseimbangan jantina dalam pembangunan sukan negara, seperti yang terdapat dalam Pelan Strategik Wanita dalam Sukan, Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam.

Di sini, Saya juga ingin mengingatkan semua pegawai-pegawai dan jurulatih-jurulatih Kontinjen kita untuk memastikan dan menjaga aspek Safeguarding Athlete iaitu memastikan kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan atlet hendaklah sentiasa diberi keutamaan di sepanjang Sukan Komanwel nanti. Perkara ini adalah antara aspek yang sangat diambil berat oleh Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Berikutnya, Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih, kepada persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih-jurulatih yang terlibat, serta ibubapa atlet-atlet yang akan mewakili Negara di Sukan Komanwel Glasgow, kerana memberikan bimbingan sokongan dan dorongan yang berterusan kepada atlet-atlet yang terpilih di sini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Sabda pada Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam Ke Glasgow 2026 Commonwealth Games di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada Isnin, 13 Julai 2026.

Akhirnya Saya berdoa semoga kontinjen negara yang terdiri dari atlet-atlet, jurulatih dan pegawai, akan sentiasa sihat walafiat, dan dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin.

Sekian, Wabillahi Taufeq WalHidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
18	SABTU	3	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
19	AHAD	4	4.42	4.52	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
20	ISNIN	5	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
21	SELASA	6	4.43	4.53	6.16	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52
22	RABU	7	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52
23	KHAMIS	8	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.38	7.52
24	JUMAAT	9	4.43	4.53	6.16	6.40	12.28	3.51	6.37	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	32 24 °C	32 23 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	32 25 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	32 24 °C	31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 25 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

18 JULAI 2026

Taat setia rakyat, tonggak kedaulatan negara

SELAKU rakyat Negara Brunei Darussalam, kita hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja sebagai tanda ketaatan kita.

Di samping itu, menjadi kewajipan kita selaku rakyat untuk terus mengukuhkan saf, memperkasa jati diri dengan konsisten menghayati konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Taat setia yang paling utuh adalah dengan mempraktikkan cara hidup berlandaskan falsafah MIB. Apabila rakyat hidup berakhlak, istiqamah dalam beribadah dan sentiasa bersatu padu, ia sudah tentu menjadi kekuatan yang dapat membantu baginda dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir-anasir yang tidak sihat.

Kita juga bertanggungjawab secara aktif dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Rakyat yang taat adalah rakyat yang produktif. Kita mestilah menterjemahkan taat setia dengan bekerja bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang kita ceburi. Setiap sumbangan kecil kita, sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi, mahupun Perkhidmatan Awam adalah sokongan dan bantuan kepada baginda dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Menjadi rakyat yang bersatu padu juga merupakan tanda ketaatan kepada raja. Sepertimana yang kita ketahui, baginda sentiasa menitikberatkan perpaduan. Oleh itu, taat setia bermaksud kita tidak membenarkan diri kita dipecahbelahkan oleh fitnah, khususnya di media sosial. Menjaga adab, menghormati institusi diraja dan mengelakkan perdebatan yang sia-sia adalah bukti nyata kita seorang rakyat yang berjiwa besar.

Taat setia kita kepada raja perlulah diterjemahkan menerusi akhlak yang baik, lalu dibuktikan dengan perbuatan yang terpuji. Antara cara kita menzahirkan taat setia kepada raja yang kita kasihi ialah dengan mematuhi peraturan dan undang-undang negara. Malah taat setia yang paling nyata adalah dengan menghormati kedaulatan undang-undang. Hal ini kerana raja atau pemimpin berfungsi sebagai penaung yang memastikan keadilan dan keamanan sentiasa ditegakkan. Apabila rakyat mematuhi peraturan, ia secara tidak langsung membantu raja dalam menjaga maslahat umum.

Cara terbaik untuk kita mensyukuri nikmat kepimpinan baginda adalah dengan menjadi rakyat yang taat dan bersatu padu. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus melimpahkan rahmat, hidayah dan kekuatan kepada baginda untuk terus menerajui Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini kekal aman makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita.brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS PERSANTAPAN DIRAJA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman, Na'il Haris Haji Muhd. Nikman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80. Turut hadir, tetamu-tetamu peribadi baginda (atas kanan dan atas kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran

Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Persantapan Diraja sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 berlangsung di Istana Nurul Iman, malam tadi.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda pada majlis tersebut (kiri dan gambar-gambar di bawah).



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (bawah).





KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha pada Majlis Persantapan Diraja bersama tetamu-tetamu peribadi baginda.



>> Muka 3

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah

Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

Turut hadir pada majlis tersebut, tetamu-tetamu peribadi baginda antaranya, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Fauziah binti Mohd. Sanusi; Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman, dan Menteri Kanan Republik Singapura selaku wakil Kerajaan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching.

TURUT berangkat ialah paduka adinda baginda.



>> Muka 5

MAJLIS Persantapan Diraja turut memberi kesempatan kepada para tetamu khas negara bersua muka dan beramah mesra (atas dan atas kanan). Sementara gambar bawah dan kanan, antara tetamu yang hadir pada Majlis Persantapan Diraja.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah bersama para tetamu peribadi baginda pada majlis persantapan tersebut (kanan dan atas).

>> Muka 4

Majlis Persantapan dimulakan dengan bacaan Doa Selamat, dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir ke majlis

persantapan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Manteri-manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara ini, Setiausaha-setiausaha Tetap,



ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan kerajaan. Pada akhir Majlis Persantapan Diraja diserikan lagi dengan Persembahan Bunga Api yang berwarna-warni.

Majlis Persantapan Diraja

bukan sahaja memberi kesempatan kepada para tetamu khas negara bersua muka dan beramah mesra bersama raja yang kita kasihi serta kerabat diraja yang lain, bahkan ia merupakan

peluang bagi para jemputan dalam negara sendiri untuk mengeratkan silaturahim di antara satu sama yang lain dalam sama-sama hadir seterusnya memeriahkan majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan berbual mesra dan seterusnya menerima junjung ziarah bersama para tetamu peribadi baginda. Turut berangkat ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah (atas, kanan dan gambar-gambar di bawah).



Generasi muda pemangkin kemajuan negara

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Dalam hubungan ini, kerajaan baginda akan terus berperanan memberikan dukungan kepada para belia yang ingin berkecimpung dan memperluaskan bidang keusahawanan merentasi semua sektor.

Antaranya, menerusi kemudahan pinjaman mikro yang disediakan oleh bank-bank tempatan khususnya Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Usahawan.

"InsyaaAllah, beta akan terus memimpin negara ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035, yang menjanjikan sebuah negara yang maju, mampan dan berdaya tahan, dengan dukungan padu dari semua pihak," demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan

Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, pagi tadi.

Terdahulu dalam titah, baginda melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya yang mengizinkan Hari Keputeraan baginda pada tahun ini diraikan dalam suasana aman dan sejahtera.

Baginda turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, dalam dan luar negara, yang telah menghantar perutusan uca selamat kepada baginda dan kerabat diraja bersempena dengan perayaan ini.

Sesungguhnya titah baginda, usia 80 tahun adalah nikmat yang amat besar dan hanya Allah Subhanahu Wata'ala jua yang maha

mengetahui akan hikmahnya. Titah baginda lagi, dalam hampir enam dekad memegang amanah, baginda bersama rakyat telah menempuh pelbagai liku kehidupan yang membentuk negara ini menjadi apa yang ada sekarang.

"Kita juga bersama-sama menyaksikan peredaran zaman, dari pembangunan asas kepada pemodenan. Hanya satu sahaja yang tidak berubah iaitu, kepercayaan, kesetiaan dan perpaduan yang menjadi tulang belakang negara sejak dahulu lagi.

"Demikian, jika kita mahu menjadi bangsa yang kuat, ia bukan diukur dari kemewahan yang dinikmati tetapi dari keikhlasan bersatu padu menghadapi apa jua cabaran," titah baginda.

Baginda turut bertitah menegaskan bahawa baginda tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan rakyat. Begitu juga di Brunei, tidak ada tempat bagi gejala rasuah dan ketidakjujuran berlaku dalam masyarakat yang mengancam kesejahteraan dan kemajuan negara.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun.



PASTIKAN SEGALA JURANG, HALANGAN DAPAT DITANGANI DENGAN BERKESAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, turut menyentuh mengenai pembangunan negara iaitu tentang beberapa kemajuan semasa serta cabaran yang turut mendepani kita.

Mengenai bekalan tenaga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, negara masih sahaja dalam kedudukan yang baik walaupun tidak terkecuali daripada menerima kesan ketidaktentuan global.

Oleh itu, baginda bertitah menjelaskan bahawa keutamaan kerajaan adalah untuk memastikan simpanan strategik, khususnya bahan api petroleum dan tong LPG, bagi memenuhi keperluan harian.

"Setentunya juga, pendekatan ini memerlukan tanggungjawab semua pihak, khasnya menerusi penggunaan sumber tenaga secara berhemah. Seiring itu, usaha mempelbagaikan ekonomi juga turut menunjukkan keberhasilan yang memberangsangkan. Sektor bukan minyak dan gas telah menyumbang kepada lebih separuh dari Keluaran

Dalam Negara Kasar (KDNK)," titah baginda.

Dari sudut sosial, titah baginda lagi, kerajaan dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menerusi Projek Teduh telah memanfaatkan dana Zakat Perniagaan BIBD untuk membina kediaman bagi golongan rentan.

Baginda bertitah, kerjasama awam-swasta seumpama ini adalah sangat digalakkan dalam sama-sama berusaha meningkatkan taraf hidup golongan berkenaan. Dari aspek memelihara keselamatan masyarakat pula, baginda bertitah telah memperkenalkan Kerangka Kerja Dasar Strategik Pengurusan Bencana atau Disaster Management Strategic Policy Framework.

"Ini bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan bencana menerusi

pengurusan risiko dan pendekatan bersepadu antara pelbagai agensi dalam menghadapi situasi kecemasan. Sungguhpun pencapaian dapat diraih, namun cabaran fiskal negara masih sahaja memerlukan perhatian berterusan," tegas titah baginda.

Sehubungan itu, titah baginda, kerajaan akan terus melaksanakan langkah fiskal yang bertanggungjawab antaranya memperluas sumber pendapatan bukan minyak dan gas, mengurus perbelanjaan negara dengan berhemat serta memperkukuh pemudah cara perniagaan, di samping memastikan proses kerajaan adalah mesra pelaburan.

Dalam hubungan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melahirkan keyakinan akan

peranan penting setiap Menteri Penyelaras untuk memastikan segala jurang dan halangan dapat ditangani dengan berkesan.

"InsyaaAllah, tahun 2027 akan menyaksikan dua acara kenegaraan yang saling melengkapi iaitu Sambutan Jubli Intan Pemerintahan beta dan juga Tahun Melawat Brunei. Marilah kita terus berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan terus melimpahkan rahmat-Nya untuk kita dan negara berkekalan dalam aman dan makmur. Amin Ya Rabbal Alamin," titah baginda.

Mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, pasukan keselamatan serta sektor swasta di dalam dan luar negara atas sumbangan mereka kepada negara.

Baginda juga merakamkan penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Perayaan di Peringkat Kebangsaan dan Peringkat Daerah atas usaha dan khidmat menjayakan perayaan ini.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman (kiri sekali dan kiri).

22 PENERIMA DIKURNIAKAN BINTANG-BINTANG KEBESARAN NBD



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) kepada Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan seterusnya pengurniaan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B) kepada Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana Haji Othman, Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Yang Maha Mulia Paduka Seri Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti

Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun di Istana

Nurul Iman, hari ini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 8

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.M.B) kepada Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang); Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran); Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (gambar-gambar di kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) kepada Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan dan kanan sekali).

>> Muka 7

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran



Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta kerabat diraja.

Istiadat yang berlangsung penuh adat istiadat di Balai Singgahsana Indera Buana itu

bermula dengan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, diikuti dengan pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD kepada 22 penerima sempena



Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) yang

membawa gelaran 'Dato Paduka Seri' kepada Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Seterusnya diikuti dengan pengurniaan Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Pertama (P.S.P.N.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Pahlawan' kepada Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

>> Muka 9

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan gelaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) kepada Nicholas Charles Gould Cann dari United Kingdom dan Pakar Otorhinolaryngology / ENT, Republik Singapura, Dr. Dharambir Singh Sethi (kiri sekali dan kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan gelaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) kepada Pakar Orthopedic di Amerika Syarikat, Dr. Andrew Albert Freiberg, dan Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, Institut Jantung Negara (IJN) Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib (kanan dan kanan sekali).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan gelaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) kepada Head of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, IJN Malaysia, Dato' Sri Dr. Azmee Mohd. Ghazi dan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) dikurniakan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar NBD, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri sekali dan kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan gelaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) kepada Timbalan Ketua Pendakwa Syarie dan Pegawai Pelajaran Pusat Da'wah Islamiah, (kanan dan kanan sekali).

>> Muka 8

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya mengurniakan empat penerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Setia' kepada Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; dan Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Sementara empat orang lagi dikurniakan dengan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei, Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Seri Paduka' kepada Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal; dan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Awang Haji Hamidon

KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Setiausaha Tetap Politik dan Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan (kanan dan kanan sekali).



bin Haji Ibrahim.

Seterusnya diikuti dengan lima penerima dengan gelaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) dengan membawa gelaran 'Dato Seri Laila Jasa' kepada Nicholas Charles Gould Cann dari United Kingdom; Dr. Dharambir Singh Sethi, Pakar Otorhinolaryngology/ENT, Republik Singapura; Dr. Andrew Albert Freiberg, Pakar Orthopedic di Amerika Syarikat; Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, Institut Jantung Negara

(IJN) Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib; dan Head of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, IJN Malaysia, Dato' Sri Dr. Azmee Mohd. Ghazi.

Bagi Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B) yang membawa gelaran 'Dato Paduka' dikurniakan kepada Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar NBD, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

>> Muka 10

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Atlet Wushu Negara (atas). Manakala gambar kanan, suasana pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun di Istana Nurul Iman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun di Istana Nurul Iman (kanan dan bawah).



>> Muka 9

Seterusnya diikuti dengan pengurniaan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) kepada Timbalan Ketua Pendakwa Syarie, Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi dan Pegawai Pelajaran Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Rosinah binti Haji Mangshor.

Kebawah DYMM seterusnya mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B) kepada Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Lau How Teck; Setiausaha Tetap Politik dan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd Hassan dan Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif dan Atlet Wushu Negara, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Antara tetamu peribadi Kebawah DYMM, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Fauziah binti Mohd Sanusi; Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman dan isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Panglima Datuk Hajah Faridah binti Haji Tussin dan Menteri Kanan Republik Singapura selaku wakil Kerajaan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama

Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching.

Berangkat dan hadir pada istiadat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Pengiran-Pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Manteri-manteri Pedalaman, para perwakilan negara sahabat, Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan kerajaan.



TURUT berangkat ke majlis berkenaan ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (atas dan atas kiri). Manakala gambar kiri dan bawah, sebahagian daripada tetamu yang hadir pada majlis tersebut. Sementara gambar bawah kiri, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



BERANGKAT KE ISTIADAT BARISAN KEHORMATAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Ke-80, Tahun 2026 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri;

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada tetamu-tetamu peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (atas dan kiri).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin, Na'il Haris bin Haji Muhd. Nikman

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri

Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

>> Muka 12



SUASANA Istiadat Barisan Kehormatan (atas, atas kiri dan kiri). Manakala gambar-gambar di bawah, orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan istiadat berkenaan.





KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat Barisan Kehormatan. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda (kanan dan atas).

>> Muka 11

Sejurus keberangkatan tiba, Kebawah DYMM berkenan menerima Tabik Hormat Diraja diiringi Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan berangkat memeriksa pasukan - pasukan barisan kehormatan yang melibatkan seramai 1,142 anggota yang terdiri dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Tentera Laut

Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PPDB dan pertubuhan-pertubuhan awam beruniform, di bawah kawalan Leftenan Kolonel Mohammad Sufrien bin Johan.

Acara diteruskan dengan pasukan-pasukan kawalan

kehormatan dan pembawa Panji-Panji Kebawah DYMM, Panji-Panji Pasukan ABDB dan Panji-panji Diraja PPDB berjalan lalu di depan Pentas Diraja dalam gerak perlahan dan cepat sebelum beratur semula yang diikuti laungan tiga kali 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik'.



SEKITAR Istiadat Barisan Kehormatan yang penuh gilang-gemilang (kanan, kanan sekali dan gambar-gambar di bawah).



Pasukan-pasukan perbarisan kemudian mara ke hadapan untuk diperhati semula, Tabik Hormat

Diraja dan diikuti terbang lalu pesawat-pesawat ABDB.

>> Muka 13





PASUKAN-pasukan barisan kehormatan yang melibatkan seramai 1,142 anggota yang terdiri dari Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), PPDB di bawah kawalan Leftenan Kolonel Mohammad Sufrien bin Johan.

>> Muka 12

Turut hadir ialah tetamu-tetamu peribadi Kebawah DYMM, antaranya Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang

Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong, selaku wakil Kerajaan Republik Singapura, dan isteri, Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching.

Juga berangkat dan hadir ke istiadat berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis

Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran - pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, dan Manteri-manteri Pedalaman, para perwakilan asing ke negara

ini dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta para jemputan, termasuk tetamu-tetamu khas baginda daripada kalangan negara jiran dan sahabat.



ANTARA pertubuhan-pertubuhan awam beruniform yang menyertai perbarisan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026 (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan. Sementara gambar bawah kiri dan bawah tengah, antara pengunjung yang turut hadir menyaksikan acara berkenaan.



KEBAWAH DYMM, KEBAWAH DYMM PADUKA SERI BAGINDA RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan isteri.



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohammad Hasif Matzin

Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima

mengadap tetamu-tetamu peribadi dari negara-negara

sahabat yang berada di negara ini bagi menghadiri Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam yang Ke-80, Tahun 2026.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, petang tadi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha mula-mula berkenan menerima mengadap Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tuan Yang Terutama Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar bersama isteri, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Fauziah binti Mohd. Sanusi.

>> Muka 15



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima pesambah (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah (kanan dan atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berbual mesra dengan Tuan Yang Terutama Menteri Kanan Republik Singapura dan isteri (kiri dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Yang Terhormat (Purn.) Dato Paduka Seri Muhammad Andika Perkasa dari Republik Indonesia bersama isteri (kiri dan bawah).

>> Muka 14

Turut mengadap ialah Timbalan Premier Sarawak merangkap Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II dan Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan Sarawak, Yang Berhormat Dato Paduka Seri Laila Jasa Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan, bersama isteri, Yang Berbahagia Datin Dato Hajah Dayang Morliah binti Datuk Haji Awang Daud.

Juga mengadap Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tuan Yang Terutama Tun Dato Seri Paduka Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Musa bin Haji Aman; dan Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor, bersama isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Datuk Hajah

Juliah Salag.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong, bersama isteri, Datin Paduka Seri Laila Jasa

Madam Ho Ching.

Kemudian mengadap Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ialah Yang Terhormat (Purn.) Dato Paduka Seri Muhammad Andika Perkasa dari Republik Indonesia bersama isteri, Datin Diah Erwiany Perkasa.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri juga berkenan menerima mengadap beberapa pakar perubatan antarabangsa, iaitu; Pakar Otorhinolaryngology/ENT, Republik Singapura, Dato Seri Laila Jasa Dr. Dharambir Singh Sethi, bersama anak, Ms. Havneet Kaur Sethi; Pakar

Orthopedic di Amerika Syarikat, Dato Seri Laila Jasa Dr. Andrew Albert Freiberg, bersama isteri, Datin Deirdre Annin Freiberg; serta Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, Institut Jantung Negara (IJN) Malaysia, Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib, bersama isteri, Datin Sri Rayslida binti Mohd. Rashdan dan Head of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, IJN Malaysia, Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Azmee Mohd. Ghazi, bersama isteri, Datin Azleen binti Osman Rani.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap beberapa pakar perubatan antarabangsa, iaitu; Pakar Otorhinolaryngology / ENT, Republik Singapura bersama anak; Pakar Orthopedic di Amerika Syarikat, bersama isteri; serta Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, Institut Jantung Negara (IJN) Malaysia bersama isteri; dan Head of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, IJN Malaysia, bersama isteri (atas sekali tengah, atas kanan, atas dan kanan).



BERKONGSI PANDANGAN ISU KERJASAMA DUA HALA, SERANTAU, ANTARABANGSA

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Kanan Republik Singapura dan isteri (atas dan bawah).



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, petang tadi berkenan menerima mengadap Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan isteri, Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching.

Semasa Majlis Mengadap berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Tuan Yang Terutama Menteri Kanan Republik Singapura bertukar-tukar pandangan dan pendapat mengenai isu kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Menyertai bersama TYT Menteri Kanan Republik Singapura pada Majlis Mengadap berkenaan, Menteri Negara di Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Goh Pei Ming; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berjabat tangan dengan Tuan Yang Terutama Menteri Kanan Republik Singapura pada Majlis Mengadap berkenaan yang telah berlangsung di Qashr Al-Meezan.

TYT Menteri Kanan Republik Singapura, dan isteri serta rombongan berada di negara ini pada 14 hingga 17 Julai 2026 bagi menghadiri Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, Tahun 2026.

Sebagai sebahagian daripada sambutan rasmi berkenaan, TYT Menteri Kanan Republik Singapura

dan isteri telah menghadiri Istiadat Barisan Kehormatan dan Istiadat Mengadap dan Mengumikan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, yang kemudian akan diikuti dengan Majlis Santap Diraja pada 16 Julai 2026.

Di samping itu, TYT Menteri Kanan Republik Singapura juga dijangka akan mengadakan kunjungan muhibah kepada beberapa Menteri Kabinet NBD serta anggota Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) yang sedang menjalani latihan di negara ini.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Qashr Al-Meezan.

Berkenan berangkat ke Majlis Santap Pagi

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. – Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan Duli

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat ke Majlis Santap Pagi yang dihoskan oleh Menteri

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan berangkat ke Majlis Santap Pagi yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Menteri Kanan Republik Singapura (kiri dan kanan).

Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan isteri, Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching diadakan di Assaraa,





Jalan Menteri Besar, pagi tadi. Majlis Santap Pagi tersebut dimulakan dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya beredar ke ruang santap. Turut hadir pada majlis

berkenaan ialah Menteri Negara di Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Goh Pei Ming.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon



MMN ADAKAN MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Doa Kesyukuran berkenaan yang telah mengambil tempat di Surau, Bangunan Dewan Majlis (atas dan bawah kiri).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, yang berlangsung di Surau, Bangunan Dewan Majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Di-Pertua MMN, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

Turut hadir ialah Ahli-Ahli MMN yang dilantik, Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini

binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Khas Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Awang Mohammad Farhan @ Awang Mohammad Ali bin Ali.

Majlis kemudian diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar secara berjemaah.

Penganjuran majlis tersebut merupakan tanda kesyukuran atas limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis berkenaan, para hadirin turut bersama-sama memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dilimpahkan rahmat, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, usia yang diberkati serta kekal karar memerintah di atas singgahsana. Doa juga dipanjatkan semoga baginda serta seluruh kerabat diraja sentiasa dikurniakan taufiq, hidayah dan inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

ANTARA yang hadir memeriahkan majlis tersebut.



Majlis Makan Malam bersama Menteri Kanan Republik Singapura

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Majlis Makan Malam Menteri Kabinet Bersama Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan isteri, Datin Paduka Seri Laila Jasa Madam Ho Ching telah diadakan malam tadi, di sini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri

Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman; Menteri di JPM (Tenaga, Hulan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai dan seterusnya



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia, dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri di JPM (Tenaga, Hulan dan Hiliran); Yang Berhormat Menteri Kabinet Bersama Menteri Kanan Republik Singapura (kiri, atas dan bawah).

beredar ke ruang makan.

Majlis makan malam yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Lee Hsien Loong dan isteri telah diadakan di F23 Assaraa, Jalan Menteri Besar.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Negara di Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Goh Pei Ming dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Yip Wei Kiat.



KEMENTERIAN KEWANGAN ADAKAN MAJLIS DOA KESYUKURAN HARI KEPUTERAAN



BERAKAS, Khamis, 16 Julai. - Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun,

bertempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, di sini.

Hadir ialah Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sebelum diakhiri dengan Solat Fardu Asar Berjemaah yang dipimpin oleh

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohammad Akbar @ Pengiran Mohammad Idrus bin Pengiran Haji Mohd. Sabri.

Majlis berkenaan diadakan sebagai melahirkan kesyukuran akan kepimpinan baginda dan seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah negara dengan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri Kewangan II hadir di Majlis Doa Kesyukuran berkenaan yang telah mengambil tempat di Surau, Tingkat 3, Island Block, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive (atas kiri). Sementara gambar atas, antara jemaah para Muslimah yang turut hadir.

berlandaskan iman dan panduan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Majlis pada tahun ini adalah dikelolakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan.

Juga hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, ketua-ketua

jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan dari Kementerian Kewangan serta jabatan-jabatan di bawahnya termasuk pegawai dan kakitangan Pejabat Penerangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Brunei Darussalam Central Bank.

MTIC anjur Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

BERAKAS, Khamis, 16 Julai. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) bersama jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, hari ini bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Majlis keagamaan ini dikelolakan oleh Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC).



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Doa Kesyukuran tersebut di di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



ANTARA para hadirin Muslimah yang hadir pada majlis berkenaan.

Sehubungan itu, hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan MTIC bersama jabatan-jabatan, autoriti dan pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan

oleh Imam Surau LTAB, Awang Haji Mohammad Asyraf bin Haji Bujang.

Warga kementerian sukacita menzahirkan tanda rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, di samping merafakkan doa agar baginda sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, taufik, hidayah dan inayah serta kekal berada di bawah lindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Doa turut dirafakkan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta seluruh kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesejahteraan, keselamatan dan keberkatan.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kekal karar memerintah di atas takhta singgahsana kerajaan serta terus memimpin Negara Brunei Darussalam dengan penuh hikmah, kedaulatan, keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pencemaran di Lautan: Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026
2. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026
3. 'Bersatu Memelihara Keamanan Negara'. Tarikh Tutup : 5 Ogos 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENGURNIAAN BINTANG KEBESARAN LAMBANG PENGHARGAAN, AMANAH BERTERUSAN

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

berlangsung di Istana Nurul Iman, pagi tadi.

Pengurniaan tersebut merupakan pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan para penerima dalam menggalas tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan. Selain itu, sumbangan para penerima kepada agama, raja dan negara juga turut mendapat penghargaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Pada masa yang sama, para penerima menyifatkan pengurniaan berkenaan sebagai satu penghormatan yang amat besar dan bermakna, di samping menjadi pembakar semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih gigih serta memberikan sumbangan,

dedikasi dan komitmen terbaik demi kemajuan negara.

Mereka turut menzahirkan doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar sentiasa dikurniakan rahmat, kesejahteraan, kesihatan yang berpanjangan serta berada di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan yang dikurniakan Bintang Kebesaran Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B), meluahkan rasa syukur atas limpah perkenan tersebut.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, pengurniaan itu merupakan satu penghormatan yang amat besar dan akan dijunjung sebagai satu amanah untuk terus melaksanakan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan, dedikasi dan rasa tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan terbaik.

Sementara itu, Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka

Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab yang dikurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Pertama (S.P.M.B), turut menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pengurniaan yang diterima.

Yang Mulia Timbalan Menteri menyifatkan pengurniaan tersebut sebagai satu penghormatan yang amat bermakna dan berikrar untuk terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh dedikasi, sekali gus memperkukuh usaha memacu pembangunan ekonomi, perdagangan dan industri negara serta menyokong pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang turut dikurniakan Darjah S.P.M.B, turut berkongsi perasaan syukur dan menjunjung kasih atas limpah perkenan Kebawah DYMM.

Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan menyatakan bahawa

pengurniaan tersebut membawa makna yang amat besar dan menjadi pemangkin untuk terus menggalas amanah serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komitmen demi menyumbang kepada pembangunan negara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan turut merafatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah DYMM sentiasa dikurniakan usia yang panjang, kesihatan yang berpanjangan, kebahagiaan, rahmat serta perlindungan-Nya dalam terus memimpin NBD ke arah kemajuan dan kesejahteraan yang berterusan.

Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara bukan sahaja menjadi lambang penghargaan tertinggi negara terhadap jasa dan bakti para penerima, malah menjadi amanah yang akan terus dipikul dengan penuh keinsafan, kesetiaan dan iltizam untuk berkhidmat kepada agama, raja dan negara.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Para penerima Bintang-bintang Kebesaran Negara meluahkan rasa penuh syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala serta menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara dalam Majlis Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) yang



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan.

Zahir rasa syukur atas pengurniaan Bintang Kebesaran

merakamkan penghargaan yang tidak terhingga atas limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan penghormatan berkenaan.

HEAD of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, Institut Jantung Negara (IJN), Malaysia, Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Azmee Mohd. Ghazi dan Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, IJN, Malaysia, Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam (NBD) bukan sahaja menjadi tanda penghargaan terhadap jasa, komitmen dan dedikasi yang telah dicurahkan oleh para penerima, malah turut menjadi amanah besar untuk mereka terus memberikan khidmat terbaik kepada raja, negara dan masyarakat.

Para penerima yang ditemui selepas Majlis Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran NBD di Istana Nurul Iman pagi tadi menzahirkan rasa syukur, menjunjung kasih serta

yang amat besar dan diterima dengan penuh rasa syukur, rendah diri serta tanggungjawab.

Yang Berhormat menyifatkan bintang kebesaran tersebut bukan sahaja sebagai satu penghargaan, malah merupakan satu amanah untuk terus berkhidmat dengan sebaik-baiknya serta memberikan sumbangan kepada raja dan negara.

"Saya amat menghargai kepercayaan dan penghormatan yang dikurniakan ini. Saya akan terus berusaha menunaikan amanah tersebut dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, kesejahteraan serta kekal karar memerintah NBD.

Sementara itu, dua pakar perubatan daripada Institut Jantung Negara (IJN), Malaysia turut menerima pengiktirafan dengan pengurniaan Bintang Kebesaran Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) yang membawa gelaran 'Dato Seri Laila Jasa'.

Mereka ialah Chief Executive Officer, Senior Consultant Cardiothoracic Surgeon, IJN Malaysia, Dato Seri Laila Jasa

Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani Md. Taib serta Head of Cardiology Department, Consultant Cardiologist, IJN Malaysia, Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Azmee Mohd. Ghazi.

Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Mohamed Ezani menyifatkan pengurniaan tersebut sebagai satu penghormatan dan penghargaan yang amat tinggi, bukan sahaja kepada dirinya, malah turut membawa makna besar kepada IJN.

Beliau turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas kesempatan untuk hadir ke Istana Nurul Iman sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-80 Tahun.

"Bintang Kebesaran ini merupakan satu penghormatan yang sangat tinggi bukan sahaja kepada saya, tetapi juga kepada IJN. Ia adalah satu pengiktirafan terhadap segala usaha dan khidmat yang telah diberikan," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada Kebawah DYMM atas kurniaan tersebut serta mendoakan

agar baginda sentiasa dikurniakan kesihatan yang berterusan, dipanjangkan usia dan dimurahkan rezeki.

Manakala Dato Seri Laila Jasa Dato' Sri Dr. Azmee pula menyifatkan pengurniaan tersebut sebagai lambang penghargaan terhadap usaha yang diberikan dalam membantu menyediakan rawatan serta penjagaan kesihatan kepada Kebawah DYMM.

>> Muka 20



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Atlet Wushu Negara, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan (atas kiri dan atas kanan).



Dunia jambatan ke akhirat, jangan sampai melalaikan

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya dunia ini manis lagi menghijau (indah dan mempesona). Sesungguhnya Allah menjadikan kamu sebagai khalifah di dalamnya, lalu Dia melihat bagaimana kamu beramal". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Hadis ini sangat penting untuk difahami, dunia memang mempunyai tarikan. Ia menyenangkan hati, menghiburkan pandangan dan memberi ruang kepada manusia untuk berusaha. Akan tetapi Allah Subhanahu Wata'ala memerhati bagaimana kita mengurus dunia. Adakah kita menggunakannya untuk taat? Atau kita terpedaya sehingga lalai daripada akhirat.

Antara ujian dunia yang paling besar ialah harta. Harta memang diperlukan untuk kehidupan. Namun harta juga menjerumuskan manusia jika diperoleh secara haram, dibelanjakan kepada maksiat atau menyebabkan hati menjadi keras dan bakhil. Daripada Ka'ab bin Iyadh Radiallahuanhu, dia berkata : Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya bagi setiap umat ada fitnah (ujian) dan fitnah umatku ialah harta". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Oleh itu, harta hendaklah dilihat sebagai amanah, bukan semata-mata milik mutlak. Apa yang ada pada kita sebenarnya kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala. Kita akan ditanya dari mana harta itu diperoleh dan ke mana ia dibelanjakan. Jika halal sumbernya dan baik penggunaannya, ia menjadi bekalan pahala. Jika haram sumbernya dan buruk penggunaannya, ia menjadi sebab penyesalan.

Maka beruntunglah orang yang menggunakan hartanya untuk nafkah yang halal. Membantu ibu bapa, mendidik anak-anak, menunaikan zakat, bersedekah, membantu orang susah dan menyokong perkara yang memberi manfaat kepada agama, masyarakat dan negara. Harta seperti inilah yang akan menjadi saksi kebaikan di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Ingatlah bahawa apabila seseorang menjadi dunia sebagai tujuan utama hidupnya dan meletakkannya lebih tinggi daripada kehidupan akhirat, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan menarik keberkatan hidup lalu akan menyempitkan urusan dunianya. Hidup akan menjadi sukar dan hatinya dipenuhi kegelisahan serta ketakutan terhadap kemiskinan akan sentiasa menghantuinya. Walau sebanyak mana pun nikmat yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, jiwanya tetap berasa tidak cukup kerana hati yang telah terpaut kepada dunia tidak akan pernah berasa puas atau cukup.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda telah memberi peringatan tentang bahaya mencintai dunia secara berlebihan. Daripada Zaid bin

Thabit Radiallahuanhu, bahawa ia mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Barang siapa tujuan hidupnya adalah dunia, maka Allah akan menceraiberaikan urusannya, menjadikan kefakiran di kedua pelupuk matanya dan ia tidak mendapatkan dunia kecuali menurut ketentuan yang telah ditetapkan baginya. Barang siapa yang niat (tujuan) hidupnya adalah negeri akhirat, Allah akan mengumpulkan urusannya, menjadikan kekayaan di hatinya dan dunia akan mendatangnya dalam keadaan hina". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Melalui hadis ini dapat difahami bahawa dunia menjadi mulia apabila ia menjadi jalan menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Pekerjaan dan urusan menjadi ibadah apabila dilaksanakan dengan jujur. Harta menjadi pahala apabila dibelanjakan sebagaimana dikehendaki syarak. Kedudukan menjadi amanah apabila digunakan untuk menegakkan kebaikan, membantu masyarakat dan menghilangkan kezaliman.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengajar kita supaya memandang dunia seperti perjalanan seorang musafir. Seorang musafir tidak membawa segala-galanya. Dia membawa bekalan yang perlu untuk sampai ke destinasi, dia tahu bahawa tempat yang dilalui bukan tempat menetap selama-lamanya. Begitu pula kehidupan mukmin di dunia. Daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhuma, dia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memegang kedua-dua bahu lalu bersabda : "Jadikanlah engkau di dunia seolah-olah seorang asing atau seorang musafir yang sedang melalui suatu perjalanan". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Hadis ini bukan bermaksud kita meninggalkan tanggungjawab dunia. Bahkan seorang Muslim perlu bekerja, mengurus keluarga, menuntut ilmu, memakmurkan masyarakat dan melaksanakan amanah. Namun hatinya tidak bergantung pada dunia, dia mengambil dunia sebagai bekal menuju akhirat.

Antara cara untuk menyelamatkan hati daripada tertipu dengan dunia ialah memperbanyak mengingatkan mati, mengingati mati bukan untuk menjadikan kita lemah, takut bekerja atau meninggalkan usaha. Sebaliknya, mengingati mati menjadikan kita lebih bertanggungjawab, lebih teliti memilih yang halal, lebih cepat bertaubat dan lebih bersungguh-sungguh memperbaiki diri. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Perbanyaklah mengingati pemutus segala kelazatan (iaitu mati)". (Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Maka janganlah kita menangguk

kebaikan. Jangan tunggu tua untuk bertaubat. Jangan tunggu lapang untuk membaca Al-Quran. Jangan tunggu kaya untuk bersedekah. Jangan tunggu sakit untuk kembali kepada Allah. Setiap hari yang kita lalui sebenarnya semakin mendekatkan kita kepada hari pertemuan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah Subhanahu Wata'ala memperingatkan manusia supaya tidak tertipu dengan dunia dan tidak diperdaya oleh syaitan. Syaitan akan sentiasa membisikkan bahawa masa masih panjang, taubat boleh ditangguhkan dan kelalaian tidak mengapa. Sedangkan janji Allah itu benar. Hisab itu benar, syurga itu benar

dan neraka itu benar. Maka janganlah kita tertipu dengan kesenangan yang sementara sehingga melupakan kehidupan yang kekal.

Dunia tidak salah jika berada di tangan orang yang beriman, yang salah ialah apabila dunia masuk dan menguasai hati. Maka kita jadikanlah dunia sebagai ladang pahala : bekerja dengan jujur, mencari rezeki yang halal, menunaikan amanah, mendidik keluarga, membantu yang memerlukan, menjaga maruah diri, memelihara masa dan memperbanyak amal soleh.

Daripada khutbah ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran :

Pertama : Dunia adalah sementara, sedangkan akhirat adalah negeri yang kekal.

Kedua : Nikmat dunia seperti harta, pangkat, kesihatan dan masa adalah amanah yang akan dipersoalkan.

Ketiga : Islam tidak melarang kita mencari dunia tetapi melarang kita diperhambakan oleh dunia.

Keempat : Orang beriman menjadikan dunia sebagai jambatan menuju akhirat.

Kelima : Mengingati mati akan melembutkan hati dan menghidupkan kesedaran untuk kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, marilah kita bermuhasabah, adakah dunia yang kita cari semakin mendekatkan kita kepada Allah atau semakin menjauhkan kita daripada-Nya? Apakah harta yang kita kumpulkan membawa keberkatan atau menjadi sebab kelalaian? Adakah masa yang Allah berikan telah kita isi dengan amal atau kita biarkan berlalu dengan sia-sia. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang bersyukur, amanah, tidak tertipu dengan dunia, istiqamah dalam ibadah serta kembali kepada Allah dalam keadaan *husnul khatimah*. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai manusia! Sesungguhnya janji Allah itu adalah benar maka janganlah sekali-kali kehidupan dunia itu memperdayakan kamu dan janganlah pula sekali-kali syaitan memperdayakan kamu daripada (beriman kepada) Allah". (Surah Fatir, ayat 5)

Zahir rasa syukur atas pengurniaan Bintang Kebesaran

>> Muka 19

"Bintang Kebesaran ini merupakan penghargaan terhadap apa yang telah dilakukan dalam membantu merawat dan menjaga kesihatan Kebawah DYMM. Saya berharap agar kami terus diberikan peluang untuk membantu dan memberikan khidmat yang terbaik dalam menjaga kesihatan baginda," katanya.

Beliau turut melahirkan rasa gembira dan terharu apabila menerima berita mengenai

pengurniaan tersebut, walaupun tidak pernah menjangkakan akan menerima pengiktirafan berkenaan.

Dalam pada itu, Atlet Wushu Negara, Awang Mohammad Adi Salihin bin Roslan turut menerima Bintang Kebesaran Darjah S.N.B. Pengurniaan tersebut menjadi pembakar semangat kepada atlet berkenaan untuk terus berusaha gigih serta memberikan yang terbaik dalam mengharumkan nama NBD menerusi bidang sukan.

Awang Mohammad Adi Salihin menzahirkan rasa syukur dan menjunjung kasih atas pengiktirafan yang diterima, yang disifatkannya sebagai penghargaan besar terhadap sumbangan serta pencapaiannya sepanjang bergiat aktif dalam sukan wushu.

Menurut Awang Mohammad Adi Salihin lagi, pengurniaan tersebut bukan sahaja menjadi kebanggaan peribadi, malah menjadi dorongan untuk terus meningkatkan prestasi dan membawa nama negara ke

peringkat yang lebih tinggi.

"InsyaAllah, saya akan terus berusaha dan melakukan yang terbaik untuk mengharumkan nama negara dalam bidang sukan. Pengiktirafan ini memberikan semangat kepada saya untuk terus memperbaiki diri dan mencapai lebih banyak kejayaan pada masa akan datang," katanya.

Awang Mohammad Adi Salihin yang pernah mengharumkan nama negara menerusi kejayaan meraih pingat emas dalam acara wushu turut menyeru golongan

belia agar mengambil peluang untuk menceburi bidang sukan serta memainkan peranan dalam menyumbang kepada kemajuan industri sukan negara.

Pengurniaan Bintang-bintang Kebesaran NBD tersebut mencerminkan penghargaan negara terhadap jasa, sumbangan dan dedikasi para penerima dalam pelbagai bidang, khususnya dalam memberikan khidmat bakti serta kepakaran demi kesejahteraan masyarakat dan kemajuan negara.

MAJLIS KESYUKURAN RAIKAN 2 ANAK DAMIT LAHIR 15 JULAI



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Khamis, 16 Julai. - Dua anak damit yang dilahirkan pada 15 Julai kelmarin di Jerudong Park Medical Centre (JPMC) diraikan dalam satu Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2026 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun. Hadir selaku tetamu kehormat

bagi menyempurnakan penyampaian cenderamata tersebut, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil, isteri kepada Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyampaikan cenderamata berupa potret kenangan ibu bapa bersama anak damit dan hadiah hamper keperluan anak damit dan ibu, sumbangan Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

ISTERI Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada para penerima (atas dan atas kiri).

Darussalam Ke-80 Tahun.

Turut disampaikan ialah sumbangan dari Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berupa hamper barangan keperluan anak damit bernilai BND60 serta wang tunai berjumlah BND200 yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja.

Selain itu, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut menyumbangkan Pelan Takaful Siswa bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Sementara, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) turut menyumbangkan pembukaan

akaun simpanan bank dengan deposit permulaan bernilai BND250 kepada setiap anak damit yang dilahirkan pada 15 Julai 2026.

Pada tahun ini seramai 22 anak damit telah dilahirkan pada 15 Julai 2026, iaitu 15 anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja

Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), lima anak damit dilahirkan di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait dan dua anak damit dilahirkan di JPMC.

Anak damit pertama dan anak damit terakhir bagi kelahiran pada 15 Julai 2026 masing-masing telah dilahirkan di Hospital RIPAS.

5 anak damit lahir 15 Julai di Daerah Belait



ISTERI Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang telah berlangsung di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Khamis, 16 Julai. - Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2026 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 telah diadakan bertempat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC), Daerah Brunei dan Muara serta Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Daerah Belait, pagi tadi.

Pada tahun ini, seramai 22 anak damit telah dilahirkan pada 15 Julai 2026, yang mana lima anak damit telah dilahirkan di HSSB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di HSSB ialah isteri Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Datin Zubaidah binti Haji Mahmud.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat telah menyampaikan cenderamata berupa potret kenangan ibu bapa bersama anak damit dan hadiah hamper keperluan anak damit dan ibu, sumbangan Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Turut disampaikan ialah sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berupa hamper barangan keperluan anak damit bernilai BND60 serta wang tunai berjumlah BND200 yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja.

Selain itu, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut menyumbangkan Pelan Takaful Siswa bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) turut menyumbangkan pembukaan akaun simpanan bank dengan deposit permulaan bernilai BND250 kepada setiap anak damit yang dilahirkan pada 15 Julai 2026.

Hospital RIPAS catat kelahiran 15 anak damit

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. - Seramai 15 anak damit telah dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada 15 Julai tahun ini.

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran dan Penyampaian Cenderamata kepada Anak-anak Damit yang Lahir pada 15 Julai 2026 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026 diadakan di hospital berkenaan pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, isteri Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Pengiran Datin Hajah Norzana binti Pengiran Haji Rosli.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat menyampaikan cenderamata berupa potret kenangan ibu bapa bersama anak damit dan hadiah hamper keperluan anak damit dan ibu, sumbangan Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 bagi Tahun 2026.

Juga disampaikan ialah sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) berupa hamper barangan keperluan anak damit bernilai BND60 serta wang tunai berjumlah BND200 yang dikreditkan ke dalam Akaun SiManja.

Selain itu, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad berserta anak-anak syarikatnya turut menyumbangkan Pelan Takaful Siswa bernilai BND240 bagi tempoh setahun.

Manakala Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) turut menyumbangkan pembukaan akaun simpanan bank dengan deposit permulaan bernilai BND250 kepada setiap anak damit yang dilahirkan pada 15 Julai 2026.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0024 / 2026 / 2027
PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PENYAJIAN JAMUAN SEPANJANG HAFL AL-TAKHARRUJ KE-16 (HT16) UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup:
Rabu,
22 Julai 2026



UNISSA / SB0020 / 2026 / 2027
UPGRADING WORKS FOR ACADEMIC MANAGEMENT CENTRE, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG CAMPUS
[MOD CLASS: I / II ONLY] & [CATEGORY: KA01, B01, E01 & M01]

Tarikh Tutup:
Rabu,
22 Julai 2026



- UNISSA / SB0013 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BUKU-BUKU RUJUKAN (FIZIKAL & E-BOOK) FAKULTI UNDANG-UNDANG SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH (FUUSHHB), UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)
- UNISSA / SB0014 / 2026 / 2027
TO SUPPLY AND DELIVER CONSUMABLES AND CHEMICALS FOR UNISSA RESEARCH GRANT TITLED "ISOLATION AND MOLECULAR CHARACTERIZATION OF NATIVE BACILLUS THURINGIENSIS STRAINS AND EVALUATING THEIR INSECTICIDAL ACTIVITY AGAINST SOME IMPORTANT INSECT PESTS IN BRUNEI DARUSSALAM"
- UNISSA / SB0015 / 2026 / 2027
TO SUPPLY AND DELIVER CONSUMABLES AND CHEMICALS FOR UNISSA

RESEARCH GRANT TITLED "DEVELOPING BIO-NANO SILVER AS A NOVEL ANTIMICROBIAL AGENT USING THE EXTRACT OF SELECTED PLANTS FROM BRUNEI DARUSSALAM"

4. UNISSA / SB0016 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG GUNA HABIS MAKMAL PENGAJARAN KEGUNAAN KELAS PRAKTIKAL HS1332 DAN HS2336 DI PUSAT MAKMAL SAINTIFIK IBNU SINA (PMSIS), KAMPUS SINAUT, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

5. UNISSA / SB0017 / 2026 / 2027
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PERALATAN SAINTIFIK MAKMAL PENGAJARAN KEGUNAAN KELAS PRAKTIKAL HS1332 DAN HS2336 DI PUSAT MAKMAL SAINTIFIK IBNU SINA (PMSIS), KAMPUS SINAUT, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

6. UNISSA / SB0018 / 2026 / 2027
MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN PEMASANGAN PETI SEJUK MAKMAL PENGAJARAN KEGUNAAN KELAS PRAKTIKAL HS1332 DAN HS2336 DI PUSAT MAKMAL SAINTIFIK IBNU SINA (PMSIS), KAMPUS SINAUT, UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

7. UNISSA / SB0019 / 2026 / 2027
PROVISION OF TREE CUTTING WORKS AT

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) GADONG CAMPUS

8. UNISSA / SB0021 / 2026 / 2027
MEMBEKAL PERKHIDMATAN BURUH BAGI MAJLIS HAFL AL-TAKHARRUJ KE-16 (HT16) UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

9. UNISSA / SB0022 / 2026 / 2027
TO DESIGN, FABRICATE, SUPPLY AND INSTALL LOGISTICS MATERIALS FOR 16TH MAHAJAN HAFL AL-TAKHARRUJ (MHT16) UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

10. UNISSA / SB0023 / 2026 / 2027
PERKHIDMATAN PENGGAMBARAN DAN FOTOGRAFI GRADUAN PADA MAJLIS HAFL AL-TAKHARRUJ KE-16 (HT16) UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA)

Tarikh Tutup :
Rabu, 22 Julai 2026



NOTIS
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)

TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT STKRJ KAMPUNG RIMBA

RUJUKAN: KPN / DIL / RFP (03/2026)
BAYARAN YURAN TAWARAN / PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara *online*:
BND2,000.00 (Tidak dikembalikan)

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar e-mel kepada alamat e-mel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

- A) Pelabur tempatan: Copy of Certificate of Business Registration (Section 16 and Section 17)/Form X; atau
B) Pelabur luar negara: Copy of Certificate of Business Registration in respective country
 - Alamat penuh syarikat
 - Alamat e-mel syarikat yang aktif
 - No. *handphone* syarikat yang aktif
- Tarikh penerimaan dokumen RFP mula: 27th Jun 2026 (Sabtu)
 - Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: 30th Julai 2026 (Khamis)
Tempat: Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas
Jam: 14.30 – 15.30 petang
 - Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program Government Land Lease (GLL) melalui alamat e-mel: eoj.dil@mod.gov.bn
 - Tarikh RFP Tutup: 29th September 2026 (Selasa) Jam 2.00 petang

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT STKRJ KAMPUNG RIMBA**

Pelabur luar negara dibenarkan untuk mengemukakan dokumen RFP yang telah dilengkapkan secara elektronik dalam format fail ZIP termampat ke alamat e-mel ltk.mod@mod.gov.bn

Sebarang dokumen RFP yang diterima selepas tarikh dan masa tutup yang dinyatakan adalah dianggap lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Bilangan Tawaran:
KKW / UKK / TDR / 2026 - 01

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Dua (2) Buah
Kenderaan Bagi Kegunaan
Kementerian Kewangan

Yuran Tawaran:
BND30.00



Yuran e-dokumen:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Julai 2026



JPt / TAW / 06 / 2026 - 2027:
Supply And Delivery Of One (1)
Unit New Passenger Van For The
Department Of Agriculture And
Agrifood.
(Yuran Tawaran: BND10.00 |
Borang Tawaran: BND15.00)



Tarikh Tutup:
Selasa, 18 Ogos 2026
Tidak lewat dari jam
2.00 petang



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:
RTB / K / 60 / 26-27
Mereka Bentuk Dan Mencetak
Kalendar Meja RTB 2027

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00 (tidak dikembalikan)

Salinan Kertas
(Hardcopy) : BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Julai 2026
jam 2.00 Petang



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIRAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.
3. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkat serta saiz / bidang kelulusan)
5. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Salin / transkrip dan pengkiran Peta Keluasan Pengkiran Kelulusan (PCK) yang berkesan)
6. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. Lengkapkan Maklumat (Surat / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / Isian-bahan / Isian-bahan profesional dan lain-lain yang dipergunakan di dalam skim iklan)

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI PEMELIHARAAN JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	22 JULAI 2026
2. JURUTEKNIK BILIK PEMBEDAHAN JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN D.4 EB.5(BAHAGIAN IV) 2026/JUL/07/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A) JKK-MOH	22 JULAI 2026
3. JURUTEKNIK X-RAY KEMENTERIAN KESIHATAN M.4-5 EB.6(BAHAGIAN IV) 2026/JUL/06/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A) JKK-MOH	22 JULAI 2026
4. PEGAWAI PENYELIDIK KANAN INSTITUT PENGAJIAN PERTAHANAN DAN STRATEGIK SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH, KEMENTERIAN PERTAHANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/02/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	38(A)	25 JULAI 2026
5. IMAM TINGKAT IV JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA D.4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2026/JUL/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A) - LUAR BIDANG	25 JULAI 2026
6. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (AUDIOLOGY) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/08/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A) JKK-MOH	25 JULAI 2026
7. PENGAWAS KECIL JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2026/JUL/01/KEPI	KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	01	7(A)	27 JULAI 2026
8. PENYUNTING JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	02	7(A)	27 JULAI 2026
9. PEMBANTU TEKNIK KANAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	27 JULAI 2026

- PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKTANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLASIFIKASI DIBAWAH PERATURAN 7(A) BAHAGIA.
 3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



NOTIS REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG LUGU

RUJUKAN: KPN/DIL/RFP (02/2026)

BAYARAN YURAN TAWARAN/PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online:
BND2,000 (Tidak dikembalikan)

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar emel kepada alamat emel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

1. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (Seksyen 16 dan Seksyen 17)/Form X
2. Alamat penuh syarikat
3. Alamat e-mel syarikat yang aktif
4. No. handfon syarikat yang aktif

- Tarikh penerimaan dokumen RFP mula: **10 Jun 2026 (Rabu)**
- Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **20 Julai 2026 (Isnin)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **2.30 – 3.30 petang**
- Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program *Government Land Lease (GLL)* melalui alamat email: eoi.dil@mod.gov.bn
- Tarikh RFP tutup: **15 September 2026 (Selasa) Jam: 2.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG LUGU**

Dokumen RFP yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Bilangan Sebut Harga:
06 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Supply & Delivery Of Office Equipment (Paper Shredder, Binding, And Laminating Machines) For Ministry Of Foreign Affairs

Bilangan Sebut Harga:
07 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Quotation For The Rental Of Photocopier Machines At Brunei Darussalam Sub-Committee Office On The Joint Demarcation And Survey Of The Land Boundary Between Brunei Darussalam And Malaysia, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Thirty-Six (36) Months

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
JPB / 03 / 2026

Keterangan:
To Supply, Install And Commissioning Of The Smart Weapon Storage (SWS) For Jabatan Penjara

Yuran Tawaran:
BND50.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 4 Ogos 2026
(Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang)



Bilangan Sebut Harga:
05 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Upgrading Of Data Centre Door And Windows For Compliance Works At The Data Centre, Information, Communication And Technology Department (ICT), Ministry Of Foreign Affairs

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM014 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JPA.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Bagi Kebocoran Di Bangunan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
21 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
4 Ogos 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
04 / ASSET.MFA / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Requotation: Term Contract For Maintenance Of Air-Conditioning System And Electrical Works At The Land Boundary Secretariat Office Ministry Of Foreign Affairs, Jalan Perayaan For A Period Of Twenty-Four (24) Months – FSOR

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPB / QTN / AAU / 2026 / 03

Tajuk Tawaran:
Cleaning Services For 12 Months Term Contract At Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

Yuran Tawaran:
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Isnin, 13 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Julai 2026
9.00 Pagi

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

13 / BBS / SH / BKA / 2026 – 2027
Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Pada Pejabat

I. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT /
2026 / 2KQ09
Quotation For The Supply & Delivery Of Laptop

II. Bilangan Sebut Harga:
KHELN / ICT /
2026 / 2KQ10
Quotation For The Supply & Delivery Of Desktop Pc

Tarikh Tutup:
Rabu,
22 Julai 2026

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
18 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)

Tajuk Tawaran:
Tawaran Bagi Penggantian Permaidani Di Zon A, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Jabatan Muzium-Muzium, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
11 Ogos 2026

JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2026 / SH-12
The Supply, Installation, Configuration And Commissioning Of Cloud-Based Virtual Machine Service For Numerical Weather Prediction Use For Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Rabu,
5 Ogos 2026
Sebelum jam 9.00 Pagi

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
22 / AUG / 2026 / KKBS / PJK / 16.14

Tajuk Tawaran:
Renovation Works To Meeting Room At Level 7 And Level 3, Ministry Of Culture, Youth And Sports Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
1 September 2026



Pengurusan Letak Kereta Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, Cawangan Seria, Jalan Bunga Kemantin Seria

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II, Kategori KA01 dan B01)

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:



28 Julai 2026
(Selasa)



**KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Sebut Harga:
Q01 / KPN / DHM / 2026 -
2027
Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan Membekal Jamuan
Di Kementerian Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

**Bayaran Bagi Setiap
e-Dokumen Sebut harga:**
BND9.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin, 13 Julai 2026

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran:**
Khamis, 23 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Isnin, 27 Julai 2026
sebelum jam 9.00 Pagi



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Jabatan
Pertubuhan-Pertubuhan
Antarabangsa
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri**

Jawatan Kosong:
Di Asia-Europe Foundation
(ASEF)
Singapura

Jawatan:
Senior Executive, Executive
Office
(kontrak selama setahun –
renewable)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026

Untuk maklumat, maklumat
lanjut mengenai jawatan tersebut,
termasuk permohonan bolehlah
didapati di laman sesawang
berikut:
<https://asef.org/>



**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPDP /
BHEK / Q / 2026 - 10
Perkhidmatan Pengangkutan
Dan Tenaga Kerja Bagi
Kerja-Kerja Penghapusan Secara
Berkontrak Selama 24 Bulan
(Menyapul) Untuk Jabatan
Kastam Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 28 Julai 2026



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Bilangan dan Tajuk:
RTB / K / 62 / 26-27
To Supply And Deliver Of
Desktop PC, Audio Interface
And Audio Editing Software For
Audio Recording

2. Bilangan dan Tajuk:
RTB / K / 63 / 26-27
Supply And Delivery Of
Microphone Arms, Headphones
And SD / CD Player For
Radio Studio

3. Bilangan dan Tajuk:
RTB / K / 61 / 26-27
To Supply And Delivery Audio
Equipment And Accessories For
Audio And Radio Studio
Engineering

Bayaran Tawaran:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND 5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 22 Julai 2026
Jam 2.00 petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Kontraktor
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam
Kelas:**
III, IV & V

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 2 / 2026

Nama Projek:
Brunei Darussalam Central Bank
Building (Formerly New
Headquarters For The Autoriti
Monetari Brunei Darussalam –
Menaiktaraf Platform 30M
(Turbing Works)

Yuran Tawaran:
BND50.00



(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
V & VI

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DOD / 3 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan Masjid Baharu
Rancangan Perumahan Negara
Kampung Lumut (Completion)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
7 Julai 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
21 Julai 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
16 / JULY / 2026 / KKBS / PJK /
16.91

Three (3) Years Maintenance For
Fire Extinguisher At
1) Ministry Of Culture, Youth And
Sports Building And Store;
2) Pusat Pembangunan Belia
Tanah Jambu;
3) Blok B18, Flat Kerajaan
Anggerek Desa;
4) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office
Jalan Kebangsaan;
5) Program Khidmat Bakti Negara
Training Camp Building; And
6) Outward Bound Brunei
Darussalam Batang Duri Camp

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
23 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
KEPI / BKSM / JKSH / HRD /
1 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
Menyediakan Latihan Leading
The Narrative:
Strategic Communication And
Stakeholder Alignment

Tarikh Buka Sebut Harga:
29 Jun 2026, Isnin

Tarikh Tutup Sebut Harga:
30 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut
Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



**JABATAN HAL EHWAL SYARIAH
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
33 / JS / A / 6 / 2004 PT.7
Tawaran Sebut Harga
Pembelian Bilik Sejuk Beku
(Walk-In Freezer) Bagi Jabatan
Hal Ehwal Syariah,
Kementerian Hal Ehwal UGAMA

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
14 Safar 1447H /
29 Julai 2025M,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2026-2027 / 11 /
ADMIN / 01

Tajuk Sebut Harga :
Quotation To Supply And
Delivery For Two (2) Years
Contract Of Paper A4 80 GSM,
Letterhead 100GSM, Envelope,
Laminating Pouch A4, Sticker
Label A4 And Fancy Card For
Bandar Seri Begawan,
Municipal Department,
Ministry Of Home Affair.

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 29 Julai 2026
Jam 2.00 Petang





Puisi Khas

SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Raja Berdaulat Memimpin Rakyat

Dini hari nyaman udara,
Suasana sunyi diterangi lentera,
Negara menyambut suasana gembira,
Puja usia raja gahara.

Dendang merdu bergema suara,
Rakyat berhimpun penuh mesra,
Semoga baginda sihat sejahtera,
Keamanan negara kekal terpelihara.

Bumi Brunei amat sejahtera,
Kehidupan rakyat riang gembira,
Semoga kekal memimpin negara,
Keharmonian negara tetap terpelihara.

Panji berkibar megah di udara,
Pemuras dibawa seorang perwira,
Bertakhta penuh hikmah bicara,
Memimpi adil tiada tara.

Pemimpin adil penyuluh bangsa,
Rakyat hidup aman sentosa,
Doa dipanjat setiap masa,
Semoga baginda kekal berkuasa.

Menjaga maruah bumi tercinta,
Prihatin kepada rakyat jelata,
Pembangunan negara jelas dan nyata,
Baik di desa mahupun di kota.

Taatlah kepada ulul amri,
Siapa yang diamanahkan memimpin negeri,
Berhati suci lagi murni,
Inilah teladan pemimpin bestari.

Pemimpin berwibawa lagi bijaksana,
Pelbagai pembangunan rancak dilaksana,
Semua teratur penuh sempurna,
Wawasan dirancang penuh makna.

Taatlah kita pada pemerintah,
Harus bersatu jangan berbantah,
Jauhkan dari selalu bertelingkah,
Wajib dijunjung apa yang dititah.

Berganding bahu membangun negara,
Kitani gerakkan semua jentera,
Negara maju keamanan terpelihara,
Kehidupan rakyat aman sejahtera.

Sampai disini syapen dicipta,
Khusus untuk raja tercinta,
Keampunan jua ingin dipinta
Wassalam penyudah penutup kata.

Nadi@
11 Julai 2026

Di Bawah Payung Legasi Wawasan

Lapan puluh musim telah berlayar,
namun payung langit ini masih teduh
oleh tangan yang menadah doa
dan mata yang berjaga di hujung ufuk
negara.

Di halaman tanah yang disirami zikir,
baginda menanam benih masa depan
bukan dengan kata-kata yang berdebu,
tetapi dengan akar visi
yang menyusup jauh ke perut bumi
bangsa.

Wawasan cinta

Menghamparkan hamparan kehidupan
seperti taman yang dijaga embunnya.
Kesihatan menjadi sungai yang jernih,
mengalir tanpa keruh ke setiap desa dan
kota.

Kebersihan menjadi angin pagi
yang mengusap wajah negeri dengan
damai.

Keselamatan pula ibarat pelita di
serambi malam,
menjadikan pintu-pintu rumah
berani bermimpi tanpa gentar.
Lalu tumbuhlah kehidupan yang tinggi
martabatnya,
seperti pohon yang tidak hanya
menjulung,
tetapi juga rendang menaungi rakyatnya.

Wawasan untuk generasi,

baginda menyalakan pelita ilmu
di setiap jendela generasi.
Anak-anak bangsa diasuh menjadi layar,
bukan sekadar perahu yang hanyut
dipukul arus.
Mereka dipertemukan dengan samudera
dunia,
membaca bahasa zaman,
menguasai denyut teknologi,
dan menari seiring putaran masa.
Ilmu bukan lagi sekadar halaman kitab,
tetapi sayap yang membawa mereka
terbang setanding burung-burung dari
segala benua.

Wawasan paradigma,
baginda mengajar bumi ini
untuk tidak bergantung pada satu musim
tuaian.

Ladang-ladang harapan dibuka,
sungai-sungai usaha dialirkan,
dan hasil negara berkembang
bagai gugusan bintang di langit malam—
pelbagai cahayanya,
namun tetap berkumpul pada satu langit
yang sama.

Ekonomi yang dinamik dan berdaya
tahan
menjadi bahtera yang cekal,
tidak mudah retak dipukul ombak dunia.

Wawasan itu bukan sekadar angka di
hujung tahun,
tetapi haluan yang dipegang erat
oleh nakhoda dan seluruh anak
kapalnya.

Maka pada hari keputeraan ini,
kami menadah syukur
di bumi Melayu Islam Beraja ini.
Daulat bukan sekadar laungan,
tetapi amanah yang dipikul bersama.
Visi bukan sekadar impian,
tetapi perjalanan yang diturap dengan
usaha dan doa.

Selagi menara azan memanggil langit,
selagi sungai-sungai Brunei menghafal
namanya,
selagi rakyat menyimpan negara di dada,
selagi itulah legasi akan terus berlayar—
menuju pelabuhan Wawasan 2035,
dengan agama sebagai sauh,
rakyat sebagai nadi,
dan kepimpinan baginda
sebagai bintang penunjuk arah di lautan
zaman

rakyat wawasan negara
Tuanku legasi wawasan.

Warkah Fateehah,
2 Julai 2026

Raja Tercinta Sanjungan Rakyat

15 Julai tanggal keramat,
Lahirnya seorang raja lagi berdaulat,
Seluruh rakyat jelata sentiasa
mengingat,
Menjadi ristaan warisan rakyat,

KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah raja kesayangan
rakyat,

Terkenal dengan sikap Raja Berjiwa
Rakyat,
Setiap titah bersulam amanat,
Menjadikan negara bertambah berkat,

Baginda Sultan Payung Negara,
Melindungi keluarga dan rakyatnya tidak
terkira,
Ke mana pun jua baginda berada,

Sentiasa menjadi pujian semua,

Sikap pemeduli baginda pada rakyat
amat disenangi,
Sentiasa terpancar kasih sayang
baginda telus dari hati,
Hukum adil atas rakyat amat dihargai,
Tanda raja beroleh inayat. kekal abadi,

80 tahun sudah usia baginda,
Segala keperluan rakyat sentiasa dijaga,
Rakyat gembira seiring berdoa,
Semoga Raja tercinta kekal karar
memerintah negara.

Dur'Anun
25 Jun 2026

Dirgahayu Lapan Puluh Tahun Kebawah Duli Tuanku

Lapan puluh tahun usia yang disirami
rahmat dan ditatah kegemilangan,
Menjunjung seorang Raja berjiwa watan,
pengasih lagi berhemah budiman.
Keputeraan Kebawah Duli Tuanku
menjadi fajar yang menyingsing di ufuk
Darussalam, Menghampar sinar
keamanan,
Menabur benih kemakmuran dan menuai
kesejahteraan rakyat sekalian.

Di bawah lembayung pemerintahan,
Suburlah pohon Melayu Islam Beraja
berakar kukuh di bumi pertiwi,
Mekarlah kuntum Negara Zikir yang
mewangi dengan tasbih dan syukur,
Dan menyala obor wawasan yang
menerangi perjalanan menuju masa
hadapan. Kepimpinan dan wibawa menjadi
tonggak kebanggaan,
Menunjuki haluan dengan hikmah dan
kebijaksanaan,
Memartabatkan agama sebagai pasak
peradaban,
Dan menjulang ilmu sebagai pelita
pembangunan.

Dengan kewibawaan seorang
negarawan,
Memimpin bahtera Brunei meredah
gelora zaman,

Berpandu nilai-nilai Islam,
Menuju dermaga Wawasan Brunei 2035
yang dicita-citakan.

Kasih kan rakyat laksana sungai yang
tidak pernah kering alirannya,
Mengalirkan ihsan, keprihatinan dan
kebajikan tanpa bertepi,
Kasih rakyat kepada Baginda pula
umpama akar yang mencengkam bumi,
Teguh berjaln dalam taat setia yang
tidak mengenal bahagi.

Merafak sembah dan menjunjung kasih
Payung negara mengecap lapan puluh.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus
mengurniakan keberkatan usia,
kesihatan yang berpanjangan dan
kekuatan memayungi rakyat dan memimpin
bumi Darussalam
ke persada kemuliaan yang berkekalan.

Dirgahayu lapan puluh tahun Kebawah
Duli Tuanku,
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

Warkah Fateehah,
2 Julai 2026

8 Dekad

8 dekad meniti usia
8 dekad –

Mengharung pelbagai era
Seorang raja yang berwibawa
Disayangi rakyat kerana saksama
Dihormati dunia kerana karisma

Manakan sama tenang dan bimbang
Manakan sama damai dan perang
Tenang berpayung sultan
Damai berbumbung keberkatan
Berkat pimpinan ulul amri
Tersusun oleh raja bestari
Berpandukan perintah Ilahi

Sungguh cermat mengadun nusa
Sungguh hemat menanai tanggungjawab
Baladun Tayyibatun Warabbun Ghafur
itu
– suatu hasrat
Melayu Islam Beraja –
memperkasa bahasa, budaya dan adat
menjulung syariat

menjunjung monarki yang penuh istiadat
Wawasan Negara itu
– suatu matlamat
Negara zikir
– demi darulakhirat

Susuk wibawa 8 dekad
Pasak negara berdaulat
Tunjang seluruh rakyat
Prihatin menambat kekukuhan
Pimpinan menghubungkan kesejahteraan
Tindakan menautkan kemapanan

Pada Yang Khaliq tangan diangkat
Doa sebagai pesambah rakyat
Mengharap raja dikurniakan afiat
Kekal karar meneraju negara
Dilindungi dari segala kendala
Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik!

Izzah Insyirah
6 Julai 2026



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap



DUNIA JAMBATAN KE AKHIRAT, JANGAN SAMPAI MELALAIKAN

(02 Safar 1448 / 17 Julai 2026)



HAKIKAT DUNIA

Hidup kita di dunia ini tidak lebih daripada sekadar persinggahan sementara. Dunia ini adalah tempat ujian yang penuh dengan helah dan tipu daya



AGAMA ISLAM



Islam tidak mengajar umatnya membenci dunia secara mutlak. Islam menuntut kita bekerja, berniaga, menuntut ilmu, membina keluarga, memiliki harta dan menikmati rezeki yang halal.



BAHAYA DUNIA

Namun yang berbahaya ialah apabila dunia menguasai hati

HARTA



Harta hendaklah di lihat sebagai amanah, bukan semata mata milik mutlak



PERINGATAN



Antara cara untuk menyelamatkan hati daripada tertipu dengan dunia ialah memperbanyak mengingatkan mati.



JADIKAN DUNIA SEBAGAI JAMBATAN KE AKHIRAT



- Dunia adalah sementara, sedangkan akhirat adalah negeri yang kekal.
- Nikmat dunia seperti harta, pangkat, kesihatan dan masa adalah amanah yang akan di persoalkan.
- Islam tidak melarang kita mencari dunia, tetapi melarang kita diperhambakan oleh dunia.
- Orang beriman menjadikan dunia sebagai jambatan menuju akhirat.
- Mengingati mati akan melembutkan hati dan menghidupkan kesedaran untuk kembali kepada Allah SWT.

MAJLIS ILMU MUSLIMAH PERKASA PENGHAYATAN IMAN, HIJRAH

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TANJONG BUNUT, Khamis, 16 Julai. - Bagi mengimarakan rumah Allah melalui aktiviti keilmuan yang bermanfaat, di samping menyemarakkan semangat berhijrah ke arah kehidupan yang lebih baik berlandaskan ajaran Islam, Muslimah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut mengadakan Majlis Ilmu Muslimah Sempena Awal Tahun Hijrah 1448 bertempat di Masjid Ar-Rahman, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu. Turut hadir, Muslimah daripada beberapa buah masjid di kawasan berhampiran.

Pengisian utama majlis ialah ceramah bertajuk 'Mendekati Allah, Mencintai Rasulullah' yang disampaikan oleh penceramah dari Republik Indonesia, Dr. Hajah Fadillah Ulfa.

Dalam ceramah tersebut, Dr. Hajah Fadillah Ulfa menekankan bahawa nikmat yang paling utama dan wajib disyukuri oleh setiap Muslim bukanlah nikmat fizikal atau kebendaan, sebaliknya nikmat iman.

Beliau turut menghuraikan bahawa selepas nikmat iman ialah nikmat Islam, iaitu apabila Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan hati yang mencintai-Nya. Menurutnya, Allah sentiasa dekat dengan hamba-Nya dan pasti memperkenankan doa mereka yang berdoa kepada-Nya.

ISTERI Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu, hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Namun, antara syarat agar doa segera diperkenankan ialah menyahut panggilan Allah dengan segera melalui pelaksanaan sembahyang serta menghadirkan rasa cinta dalam setiap ibadah yang dilakukan.

Selain itu, beliau mengingatkan bahawa setiap ibadah hendaklah dilakukan dengan penuh keikhlasan dan sebaik-baiknya, tanpa mengharapkan pujian atau perhatian manusia. Ini kerana setiap amalan dinilai berdasarkan niat seseorang.

Mengulas tajuk ceramah, beliau menjelaskan bahawa tanda sebenar mencintai Allah Subhanahu Wata'ala ialah dengan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Justeru, mereka yang ingin meraih kasih sayang Allah hendaklah menjadikan Baginda Rasulullah sebagai contoh dalam setiap aspek kehidupan.

Beliau turut mengingatkan bahawa kehidupan di dunia hanyalah satu perjalanan dan wasilah menuju Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, setiap peranan yang dipikul, sama ada sebagai isteri, ibu, anak mahupun anggota masyarakat, boleh menjadi ibadah sekiranya dilakukan dengan niat yang ikhlas dan menepati syariat.



Menyentuh mengenai makna hijrah, Dr. Hajah Fadillah Ulfa menjelaskan bahawa hijrah yang sebenar ialah berhijrah kerana Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan kerana kepentingan dunia semata-mata.

Menurut beliau lagi, sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya akan memperoleh keredaan Allah, manakala mereka yang berhijrah kerana dunia hanya akan memperoleh manfaat dunia.

Beliau turut menegaskan bahawa hijrah juga merupakan satu bentuk jihad, iaitu usaha berterusan untuk berpindah daripada keburukan kepada kebaikan serta memperbaiki diri demi mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Penganjuran majlis ini bertujuan mengukuhkan ukhuwah

serta mempererat lagi silaturahim dalam kalangan Muslimah. Selain itu, ia diharapkan dapat meningkatkan kefahaman mengenai dakwah Islamiah, di samping menyokong usaha merealisasikan aspirasi Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Melalui pengisian ilmu dan perkongsian yang disampaikan, majlis ini diharapkan dapat menjadi platform untuk memperkukuhkan kerjasama, memperluas jaringan ukhuwah serta mempererat hubungan dalam kalangan Muslimah masjid di seluruh negara.



PENCERAMAH dari Republik Indonesia, Dr. Hajah Fadillah Ulfa, semasa menyampaikan ceramah bertajuk 'Mendekati Allah, Mencintai Rasulullah'.



SEBAHAGIAN daripada para hadirin pada Majlis Ilmu Muslimah Sempena Awal Tahun Hijrah 1448 bertempat di Masjid Ar-Rahman.

Burung Merbah Siam

Nama Binatang : Black-headed Bulbul / Merbah Kepala Hitam

Nama Saintifik : Brachypodius melanocephalos

IUCN : Tidak terancam / kurang dikuatiri

CITES : Tidak tersenarai

Nama Tempatan : Burung Merbah Siam

Keluarga : Irenidae

Order : Passeriformes

Kelas Spesies : Aves

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

KENALI Hidupan Liar Kitani bulan ini, *kitani* akan mengenali salah satu spesies burung yang unik di Negara Brunei Darussalam iaitu Burung Merbah Siam atau dikenali sebagai Black-headed Bulbul. Dengan tubuh yang sederhana, warna kekuningan yang terang, kepala hitam yang kemas, serta mata biru yang menawan, burung ini benar-benar menyerlah sebagai permata hutan *kitani*.

Burung Merbah Siam secara saintifik dikenali sebagai Brachypodius melanocephalos dan tergolong dalam keluarga Pyconotidae. Ia merupakan burung bersaiz sederhana yang terkenal dengan bunyinya. Walaupun biasa ditemui di rantau ini, untuk melihatnya bukanlah mudah kerana ia cenderung berada tinggi di dalam kanopi hutan.

Di bawah rimbunan hutan yang

menghijau, burung ini jarang bersendirian. Ia bergerak dalam kumpulan kecil, saling hampir dan aktif mencari makanan di celah dahan dan dedaun. Berbanding spesies sejenis yang lebih bisik, burung ini lebih tenang dan berkomunikasi melalui bunyi halus yang berulang bagi memastikan kumpulan mereka kekal bersama.

Burung Merbah Siam bersaiz sekitar 16 hingga 18 sentimeter, hampir sebesar tapak daripada manusia. Cara terbangnya yang beralun naik dan turun membolehkannya bergerak pantas di antara dahan yang rimbun. Makanannya terdiri daripada serangga, serta buah-buahan seperti buah ara dan beri. Dengan ketangkasan yang tinggi, ia mampu menangkap serangga di udara dengan sangat pantas.

Dari segi pemuliharaan, populasi burung ini masih dalam keadaan stabil. Ia juga kurang menjadi sasaran pemburu kerana sifatnya yang cenderung menjauhkan diri daripada manusia dan kawasan pembangunan. Berbeza dengan sesetengah spesies lain yang mudah menyesuaikan diri di

kawasan bandar, Burung Merbah Siam lebih gemar habitat semula jadi yang tenang dan tidak terganggu.

Burung Merbah Siam tidak tersenarai di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Terancam, atau CITES, dan ia dikategorikan sebagai Least Concern atau status kurang dikhuatiri oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), menandakan populasinya masih stabil dalam ekosistem kita.

Namun begitu, pemantauan tetap perlu dilakukan bagi memastikan spesies ini terus terpelihara pada masa hadapan. Burung Merbah Siam melambangkan kekayaan biodiversiti Negara Brunei Darussalam dan berpotensi menjadi salah satu tarikan dalam ekopelancongan. Pada masa yang sama, ia membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang pentingnya memelihara hidupan liar dan alam sekitar, demi kesejahteraan bersama.

Walaupun bersaiz sederhana, burung ini memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan. Ia membantu menyebarkan biji benih serta mengawal populasi serangga, sekali gus menyumbang kepada keseimbangan alam semula jadi. Kehadirannya juga menjadi petunjuk bahawa hutan tersebut berada dalam keadaan sihat dan terpelihara.



Sumber Foto : Asmali Bin Asli, file name: B04 -013 – 235 (B004 Photo 13) Black headed bulbul (BWPC 2022, JPH)

Marilah *kitani* bersama-sama menghargai dan memelihara hidupan liar negara *kitani*. Burung Merbah Siam bukan sahaja unik, malah penting dalam memastikan keseimbangan alam sekitar *kitani* terus terpelihara.

Jangan lupa untuk mengikuti

setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani. Untuk melihat foto-foto spesies dan maklumat lanjut, layari dan ikuti Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan Kitani'.



Merafak sembah menjunjung kasih

PERSATUAN PENDIDIKAN KHAS (FITRAH)

'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian menjunjung kasih atas kepimpinan baginda yang berteraskan Melayu Islam Beraja, penuh hikmah, adil dan berwawasan dalam memelihara keamanan, kemakmuran serta Kebajikan seluruh rakyat dan penduduk negara ini, termasuk individu berkeperluan khas. Keprihatinan dan sokongan berterusan baginda terhadap Pendidikan Inklusif, Kebajikan dan Pembangunan Modal Insan menjadi sumber inspirasi kepada Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) untuk terus

memperkasakan individu berkeperluan khas agar dapat hidup berdikari serta menyumbang kepada negara, bangsa dan negara.

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengurniakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam limpah rahmat, taufik dan hidayah-Nya, dipanjangkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan serta kekuatan untuk terus memimpin Negara Brunei Darussalam ke-arah yang lebih maju, makmur, aman dan diberkati.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.



DENGAN penuh hormat dan takzim serta kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) merafakkan sembah setinggi-tinggi ucapan Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ke-80 Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

MENJUNJUNG kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepimpinan baginda yang bijaksana serta sentiasa mengutamakan pembangunan belia sebagai aset negara.

Titah serta aspirasi baginda menjadi ilham kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) untuk terus memperkasa generasi muda

melalui pendidikan tidak formal yang berteraskan Persetiaan dan Undang-undang Pengakap serta falsafah Melayu Islam Beraja. Nilai kepimpinan, disiplin, integriti, kesukarelawanan dan khidmat kepada masyarakat menjadi asas dalam melahirkan pemimpin belia yang berkualiti, berwibawa serta berjiwa patriotik. Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, PPNBD beriltizam untuk melahirkan belia yang

berpendidikan, berkemahiran, celik teknologi dan berdaya saing demi menyumbang kepada kemajuan serta kemakmuran negara.

Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun, seluruh warga PPNBD dengan penuh takzim merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta seluruh kerabat

diraja sentiasa dikurniakan rahmat, kesihatan yang berpanjangan, keberkatan, petunjuk dan perlindungan-Nya serta kekal memerintah Negara Brunei Darussalam dengan adil, makmur dan sejahtera.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.



PROTEM KOMITI RUMPUN TUJUH PUAH

HAMBA Kebawah Duli Tuan Patik mewakili Rumpun Tujuh Puak Jati Brunei merafak sembah dan setinggi-tinggi tahniah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang Ke-80 Tahun pada 15 Julai 2026 Masihi bersamaan 29 Muharam 1448 Hijrah.

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan dan keselamatan berpanjangan, diberikan petunjuk dan hidayah dalam memayungi Negara Brunei Darussalam.

Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga berdoa semoga seluruh kerabat diraja



sentiasa dilimpahi rahmat serta berada dalam keadaan sihat dan sejahtera.

Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia kekal karar bersemayam di atas singgahsana takhta pemerintahan dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kesejahteraan dalam memerintah rakyat dan penduduk negara ini dengan petunjuk dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik sekalian akan terus memberikan ketaatan dan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik.

Dirgahayu Tunku dari Rumpun Tujuh Puak.

PERSATUAN JURURAWAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PENJURU)



DENGAN penuh takzim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Kerja serta seluruh ahli Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU), merafak sembah menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Tuan Patik yang Ke-80.

Sesungguhnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung tinggi kepimpinan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa berjiwa rakyat, berwawasan dan penuh kebijaksanaan dalam memacu kemajuan Negara Brunei Darussalam (NBD). Keprihatinan Kebawah Duli Tuan Patik terhadap kebajikan rakyat dan penduduk, khususnya dalam memperkukuhkan sistem penjagaan kesihatan negara, amatlah dihargai dan menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga kejururawatan untuk terus menabur bakti dengan penuh dedikasi, profesionalisme, integriti serta ihsan.

Sempena hari yang penuh bersejarah ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh rasa syukur dan ikhlas berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga Kebawah Tuan

Patik serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, usia yang diberkati, kekuatan zahir dan batin serta sentiasa berada di bawah limpah rahmat, taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala juga terus melimpahkan keberkatan kepada NBD agar kekal aman, makmur, maju dan sejahtera di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Tuan Patik serta terus menjadi sebuah Negara Zikir yang diberkati, dirahmati dan dilindungi-Nya.

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik, PENJURU.

KESETIAAN, KASIH SAYANG RAKYAT TERHADAP RAJA TERUS MEKAR



JASON Lim berasal dari London, United Kingdom.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Kehadiran orang ramai daripada pelbagai lapisan masyarakat dari dalam mahupun luar negara pada Istiadat Barisan Kehormatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun jelas menggambarkan semangat patriotisme, kesetiaan serta kasih sayang yang mendalam terhadap raja dan negara.

Semasa tinjauan Istiadat Barisan Kehormatan berkenaan, kelihatan orang ramai mula memenuhi kawasan persekitaran Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara, seawal pagi lagi bagi menyaksikan upacara perbarisan yang penuh istiadat dalam suasana yang meriah.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Penolong Pemimpin Pasukan Pengakap Kelana 1033, Awang Mohammad Faizal bin Awang Lalim, selaku Ketua Perbarisan Kawalan Kehormatan, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menjelaskan bahawa istiadat berkenaan memberikan pengalaman yang penuh bermakna khususnya kepada golongan muda untuk lebih mengenali adat istiadat Negara Brunei Darussalam (NBD) serta menghargai keamanan dan kemakmuran yang dinikmati.

"Saya amat bersyukur kerana berpeluang menjadi sebahagian daripada detik bersejarah ini dan akan menjadikan



PENOLONG Pemimpin Pasukan Pengakap Kelana 1033, Awang Mohammad Faizal bin Awang Lalim.

pengalaman ini sebagai kenangan yang sentiasa memberi inspirasi untuk terus berkhidmat kepada masyarakat dan negara. Penyertaan ini juga meningkatkan rasa cinta akan negara dan kesetiaan kepada raja," jelasnya.

Menurut beliau lagi, Istiadat Barisan Kehormatan berkenaan mengingatkannya tentang pentingnya taat setia kepada raja, menghormati institusi beraja serta menghargai keamanan, perpaduan dan keharmonian negara.

Sebagai seorang pengakap tambanya, semangat cinta terhadap raja, tanggungjawab berkhidmat kepada masyarakat dan negara merupakan nilai yang perlu diterap.

Manakala, guru Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB), Dayang Nurul Ashikin binti Haji Abdullah merafakkan sembah ucapan Selamat Ulang Tahun Hari Keputeraan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-80 Tahun.

"Sempena Istiadat Barisan Kehormatan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin merafak sembah dan setinggi-tinggi tahniah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan yang Ke-80 Tahun.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat dan hidayahnya serta memelihara

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh
Foto : Muhammad Aiman Najib Hamzah



DAYANG Nurul Ashikin binti Haji Abdullah (kedua dari kiri) bersama guru-guru Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah.

kesejahteraan baginda," ujarnya lagi.

Dayang Nurul Ashikin seterusnya berkata, upacara berkenaan menghimpunkan daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana harmoni dan aman damai. Sambutan sedemikian bukan sahaja mengeratkan hubungan dalam kalangan masyarakat, malah menyemarakkan lagi semangat cintakan negara dan taat setia kepada raja yang dikasihi.

Sementara itu, acara Istiadat Barisan Kehormatan berkenaan turut menarik perhatian para pelancong dari luar negara yang sedang berada di negara ini dengan tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyaksikan upacara berkenaan.

Jason Lim dari London, United Kingdom, yang berada di negara ini bersama ahli keluarga hadir pada Istiadat Barisan Kehormatan berkenaan seawal jam 6.00 pagi. Beliau merasa teruja dan berpuas

hati kerana dapat menyaksikan acara perbarisan berkenaan dengan lebih dekat dan berpeluang untuk merasai suasana yang meriah bersama rakyat NBD sebelum pulang ke negara asalnya.

"Sebelum ini, kami hanya menonton baginda melalui televisyen di rumah dan kini kami sangat teruja kerana berpeluang melihat secara dekat. Sambutan ini jelas memperlihatkan hubungan yang erat antara raja dan rakyat serta nilai hormat yang terus dipelihara," ujarnya lagi.

Istiadat Barisan Kehormatan berkenaan mencerminkan semangat perpaduan, kesetiaan serta kasih sayang rakyat terhadap raja dan negara sekali gus memperkukuh komitmen berterusan daripada seluruh lapisan masyarakat dalam mendukung aspirasi negara ke arah mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan NBD.

Hari Keputeraan Ride 2026 : Semarakkan Hari Keputeraan Kebawah DYMM



YANG Dipertua Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) semasa menyampaikan cenderamata kepada penceramah jemputan, Dr. Haji Muhammad Majdey bin Haji Zawawi (atas). Manakala gambar kanan, suasana ketika berlangsungnya konvoi tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 Julai. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA)

menganjurkan Hari Keputeraan Ride 2026, yang dimulakan dengan pengisian kerohanian dan kenegaraan bagi menyemarakkan semangat cintakan agama, raja dan negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hadir menyampaikan ceramah bertajuk 'Melayu Islam Beraja'

(MIB) ialah Pensyarah, Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Muhammad Majdey bin Haji Zawawi.

Ceramah berkenaan mengetengahkan kepentingan menghayati falsafah MIB sebagai tunjang perpaduan, pembentukan jati diri dan kesejahteraan negara.

Sebagai tanda penghargaan, penceramah jemputan menerima cenderamata yang disampaikan oleh pihak penganjur sebelum majlis diteruskan dengan bacaan Doa Selamat dan jamuan.

Sebelum pelepasan konvoi, Yang Dipertua PEMODA, Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad, turut menyampaikan taklimat keselamatan bagi mengingatkan para peserta supaya sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas, mengamalkan disiplin ketika menunggang serta mengutamakan aspek keselamatan sepanjang perjalanan.

Majlis kemudian diteruskan dengan pelepasan Hari Keputeraan Ride 2026 oleh Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB), Awang Rushdi bin Haji Abd. Rahman.

Konvoi berkenaan disertai seramai 110 ahli PEMODA dan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Motosikal Darussalam

penunggang motosikal sebagai tanda menjunjung kasih serta menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80.

Konvoi bermula dari StarLodge Hotel, Jerudong melalui Lebuhraya Muara-Tutong, Lebuhraya Tungku, Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Stoney dan Jalan Masjid Omar 'Ali Saifuddien

sebelum meneruskan perjalanan ke Jalan Residency, melalui Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (Jambatan RIPAHS) dan berakhir di kawasan tempat letak kereta berdekatan bawah Jambatan RIPAHS.

Sepanjang perjalanan, konvoi turut melalui beberapa lokasi yang mempunyai signifikansi dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, antaranya Muzium Alat Kebesaran Diraja, Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Mercu Dirgahayu 60.



5 NEGARA ASEAN ANTARA 29 PENGASAS PERTUBUHAN AI GLOBAL BAHARU



JAKARTA, 17 Julai. - Lima negara anggota ASEAN, termasuk Malaysia dan Republik Indonesia, bersama 24 negara lain, bergabung untuk menubuhkan Pertubuhan Kerjasama Kecerdasan Buatan Dunia (WAICO), sebuah badan antara kerajaan bertujuan mengukuhkan kerjasama antarabangsa mengenai Kecerdasan Buatan (AI).

Perjanjian pengasas telah ditandatangani semasa Persidangan Kecerdasan Buatan Dunia (WAIC) 2026 di Shanghai, Republik Rakyat China, pada Khamis.

"WAICO ialah organisasi bebas antara kerajaan yang memberi tumpuan pada kerjasama dalam AI dalam domain awam secara inklusif dan tanpa diskriminasi," menurut Kementerian itu dalam satu kenyataan.

Selain Malaysia dan Republik Indonesia, anggota pengasas

ASEAN yang lain ialah Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Lao dan Republik Kesatuan Myanmar.

Anggota pengasas yang lain ialah Republik Rakyat China, Algeria, Belarus, Brazil, Cameroon, Congo, Cuba, Ethiopia, Kazakhstan, Kenya, Kyrgyzstan, Lesotho, Mozambique, Nicaragua, Kesultanan Oman, Republik Islam Pakistan, Persekutuan Rusia, Senegal, Serbia, Afrika Selatan, Tajikistan, Uzbekistan, Venezuela dan Zambia.

Sementara itu, Menteri Penyelaras Hal Ehwal Ekonomi Airlangga Hartarto berkata dalam kenyataan, penyertaan Republik Indonesia mencerminkan komitmennya untuk mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan dan tadbir urus AI.

Beliau berkata Republik Indonesia juga berusaha untuk membantu memastikan tadbir urus AI global kekal mementingkan

manusia dan memberikan manfaat yang saksama untuk semua negara, khususnya ekonomi membangun.

"Sebagai sebuah negara yang menyertai dari peringkat penubuhan organisasi, Republik Indonesia mempunyai peluang yang sangat strategik untuk membuat sumbangan ketara dalam membentuk hala tuju dasar dan struktur institusi WAICO.

"Kerajaan Republik Indonesia juga memastikan setiap bentuk kerjasama dan penajajaran teknikal yang dilakukan melalui WAICO akan kekal konsisten dengan peraturan dan kepentingan negara, prinsip etika AI, kedaulatan data dan pelbagai komitmen kerjasama ekonomi strategik Republik Indonesia," katanya.

Menurut Kementerian itu, Republik Indonesia akan mengukuhkan penyelarasan dalam kalangan kementerian dan agensi kerajaan untuk memanfaatkan

WAICO bagi mempercepat transformasi digital negara, meningkatkan kesediaan pusat data, membangunkan bakat AI dan mengembangkan kerjasama

antarabangsa dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara. - ©BERNAMA

3 maut, lebih 40 cedera, bas terbalik di Selatan Brazil

SAO PAULO, 16 Julai. - Sekurang-kurangnya tiga orang maut dan lebih 40 lagi cedera awal Rabu selepas sebuah bas persiaran dari Paraguay tergelincir dan terbalik di negeri selatan Brazil, Santa Catarina, kata pihak berkuasa, lapor Xinhua.

Kemalangan itu berlaku di lebuh raya negeri antara majlis perbandaran Maravilha dan Sao Miguel da Boa Vista di barat Santa Catarina, berhampiran sempadan Argentina.

Jurucakap bomba berkata 67 orang berada di dalam kenderaan itu. Pihak berkuasa berkata pemandu hilang kawalan ketika melalui selekoh sebelum bas itu terbabas daripada jalan dan jatuh ke dalam gaung di tepi jalan.

Lebih 20 anggota bomba, puluhan jentera bomba serta pasukan perubatan kecemasan, polis tentera dan awam, dan polis forensik menyertai operasi menyelamatkan. Punca kemalangan sedang disiasat. - ©BERNAMA

Sistem Pertahanan Udara Kuwait bertindak balas terhadap serangan dron

ISTANBUL, 15 Julai. - Tentera Kuwait pada awal Rabu memaklumkan sistem pertahanan udaranya sedang bertindak balas terhadap serangan dron Republik Islam Iran, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Tentera itu berkata bunyi letupan yang mungkin kedengaran di beberapa kawasan di negara berkenaan berpunca daripada tindakan sistem pertahanan udara memintas dron yang menghampiri, sambil menggesa orang ramai mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan pihak berkuasa berkaitan.

Terdahulu, pihak berkuasa Kuwait memaklumkan anggota bomba berjaya mengawal kebakaran di sebuah lokasi yang menjadi sasaran serangan Republik Islam Iran, tanpa sebarang kecederaan dilaporkan.

Pihak berkuasa tidak mendedahkan jenis atau lokasi kemudahan berkenaan. Sementara itu, Kementerian Dalam Negeri Bahrain memaklumkan siren amaran serangan udara telah dibunyikan dan menggesa rakyat serta penduduk supaya bertenang dan menuju ke lokasi selamat terdekat.

Perkembangan itu menyusuli kenyataan Angkatan Pertahanan Bahrain pada Selasa bahawa sistem pertahanan udaranya berjaya memintas dan memusnahkan apa yang disifatkannya sebagai "serangan udara khianat Iran".

Perkembangan itu berlaku ketika ketegangan antara Amerika Syarikat (AS) dan Republik Islam Iran berhubung Selat Hormuz semakin memuncak, dengan pasukan AS menyerang Republik Islam Iran manakala Tehran membalas dengan melancarkan serangan terhadap pangkalan tentera AS di seluruh rantau itu. - ©BERNAMA

6 ditahan disyaki bakar hutan Fontainebleau dekat Paris

PARIS, 15 Julai. - Enam individu ditahan kerana disyaki melakukan perbuatan khianat dengan api susulan kebakaran besar yang melanda Hutan Fontainebleau di selatan Paris, lapor Agensi Akhbar Jerman (DPA).

Dua lelaki, termasuk seorang anggota sukarelawan mengaku terbabit dalam kejadian yang mencetuskan kebakaran itu, menurut pejabat pendakwa raya seperti dilaporkan media Republik Perancis pada Selasa.

Anggota sukarelawan itu mengaku membakar timbunan ranting dan semak menggunakan pemetik api serta petrol, namun motif sebenar masih belum diketahui.

Seorang lagi lelaki dilaporkan secara tidak sengaja menyebabkan kebakaran selepas membuang puntung rokok.

Kira-kira 850 anggota bomba dan empat pesawat masih bertungkus-lumus memadam kebakaran di kawasan hutan itu, kira-kira 60 kilometer di selatan Paris.

Kebakaran setakat ini menjejaskan kawasan seluas kira-kira 2,250 hektar.

Kawasan itu turut menempatkan Château de Fontainebleau, Tapak Warisan Dunia UNESCO dan antara kediaman diraja terpenting di Republik Perancis.

Kebakaran tercetus di tepi sebuah lebuh raya pada lewat petang Ahad.

Kira-kira 800 penduduk tempatan telah dipindahkan dan tiada kematian atau kecederaan dilaporkan setakat ini.

Presiden Republik Perancis Emmanuel Macron merakamkan penghargaan kepada anggota bomba dan petugas penyelamat yang terus bertungkus-lumus memadam kebakaran. - ©BERNAMA

Belanda isytihar kekurangan air secara rasmi susulan kemarau berterusan

ISTANBUL, 17 Julai. - Belanda secara rasmi mengisytiharkan keadaan kekurangan air pada Khamis selepas beberapa minggu dilanda kemarau berterusan, sekali gus mendorong pihak berkuasa untuk meningkatkan tahap tindak balas kemarau kebangsaan, lapor Anadolu Ajansi yang memetik stesen penyiar awam Belanda, NOS.

Kementerian Infrastruktur dan Pengurusan Air meningkatkan tahap tindak balas kepada Tahap 2 susulan nasihat daripada Jawatankuasa Penyelaras Pengagihan Air Kebangsaan, memandangkan masalah kekurangan air itu dijangka berlarutan dalam beberapa minggu akan datang.

Di bawah langkah berkenaan, keutamaan akan diberikan untuk melindungi benteng tebatan banjir dan benteng yang sensitif terhadap kemarau, diikuti oleh bekalan air minum dan pengeluaran tenaga.

Pihak berkuasa wilayah dilaporkan akan memutuskan sama ada sekatan tambahan diperlukan, manakala wilayah Limburg mengehadkan penggunaan air permukaan untuk tujuan termasuk pengairan tanah pertanian.

Rijkswaterstaat, agensi eksekutif bagi Kementerian Infrastruktur dan Pengurusan Air Belanda, menyatakan bahawa tiada risiko terhadap bekalan air minuman awam namun menggesa orang ramai agar menggunakan air

secara berhemah sepanjang tempoh kering ini.

Aliran masuk air sungai ke Belanda di Lobith menyusut ke paras terendah sejak 1976.

Jawatankuasa Penyelaras Pengagihan Air Kebangsaan memaklumkan yang kekurangan air kali ini adalah lebih serius berbanding kebiasaan dan memberi amaran bahawa risiko kemarau meningkat sejak beberapa dekad kebelakangan ini akibat perubahan iklim.

Kali terakhir Belanda meningkatkan tindak balas kemarau kepada Tahap 2 adalah pada Ogos 2022. Tahap amaran tertinggi, iaitu Tahap 3, kali terakhir diisytiharkan adalah pada 2003. - ©BERNAMA

KAI lengkapkan penghantaran 6 jet latihan T-50i ke Republik Indonesia

SEOUL, 17 Julai. - Syarikat pertahanan Republik Korea Selatan Korea Aerospace Industries (KAI) Ltd. telah menyelesaikan penghantaran enam lagi jet latihan T-50i ke Republik Indonesia, menurut syarikat itu pada Khamis, lapor agensi berita Yonhap.

KAI menandatangani kontrak untuk membekalkan pesawat T-50i kepada Tentera Udara Indonesia pada 2021 dan memulakan

penghantaran pada Februari.

Pengeluar pesawat itu pada mulanya memeterai perjanjian untuk membekalkan 16 jet latihan T-50 ke Republik Indonesia pada 2011, dan kini telah menghantar 22 pesawat.

Republik Indonesia ialah pelanggan luar negara pertama untuk T-50i, varian jet supersonik latihan eksport pertama Republik Korea Selatan.

Negara Asia Tenggara itu telah memperoleh 42 pesawat buatan Republik Korea Selatan tersebut, termasuk 20 jet latihan KT-1.

Kedua-dua negara memperluas kerjasama dalam sektor pertahanan, dengan Republik Indonesia mengambil bahagian dalam projek pembangunan bersama jet pejuang KF-21 Republik Korea Selatan. - ©BERNAMA

Gangguan sistem jejas pembayaran kad kredit di Jepun

TOKYO, 16 Julai. - Pembayaran menggunakan kad kredit di kedai serbaneka dan premis perniagaan lain di seluruh Jepun tergendala pada Khamis berikutan gangguan sistem, dengan syarikat kad kredit utama sedang giat memulihkan perkhidmatan, lapor Kyodo News.

Pengeluar kad kredit utama Mitsubishi UFJ NICOS Co. memaklumkan masalah itu bermula sekitar 8 pagi apabila

pembayaran menggunakan kad kredit tidak dapat diproses di beberapa premis perniagaan, manakala Sumitomo Mitsui Card Co. turut melaporkan masalah yang sama. Syarikat-syarikat berkenaan sedang menyiasat punca masalah itu.

Kedua-dua syarikat sedang menyiasat punca gangguan berkenaan.

Menurut East Japan Railway Co., pengguna aplikasi Mobile

Suica turut mengalami gangguan sementara yang menghalang mereka daripada membeli pas komuter serta menjalankan urusan niaga lain menerusi fungsi pembayaran kad kredit aplikasi itu.

Pengguna aplikasi Mobile Pasma bagi perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan metropolitan Tokyo turut berdepan masalah yang sama. - ©BERNAMA



KONTINJEN SEKOLAH SUKAN SERTAI THAILAND SPORTS SCHOOL GAMES



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Khamis, 16 Julai. - kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada empat ahli dari Sekolah Sukan dalam The 27th Thailand

KONTINJEN Sekolah Sukan yang mewakili Negara Brunei Darussalam pada The 27th Thailand Sports School Games (Nakhonseechwae Games) di Nakhon Sawan Sports School, Wilayah Nakhon Sawan Thailand.

Sports School Games (Nakhonseechwae Games) di Nakhon Sawan Sports School, Wilayah Nakhon Sawan Thailand yang bermula 15 hingga 24 Julai 2026.

Bagi kejohanan tersebut, kontinjen NBD menyertai acara karate yang diwakili oleh dua

pelajar-atlet iaitu Awang Mohd. Sawal bin Hamdan dan Awang Mohd. Farhi Jauzi bin Mohd. Hilhamd, di bawah bimbingan jurulatih sekolah berkenaan, Awang Haji Muhd. Ishak bin Haji Abu Bakar.

Kontinjen diketuai oleh Pegawai Kesejahteraan dari Sekolah Sukan Brunei Darussalam, Dayang Dhia Syuhada binti Abdul Rahman Ambol selaku Chef de Mission.

Antara tujuan penyertaan tersebut adalah sebagai satu landasan untuk para atlet menimba pengalaman serta mengukur kemampuan dengan bersama

sekolah-sekolah sukan terbaik dari Thailand, Malaysia, Republik Singapura, dan Republik Indonesia.

Kali terakhir Sekolah Sukan menyertai Sports School Games, Thailand ini adalah pada tahun 2025.

Turut hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara, Pengetua Sekolah Sukan, Awang Alexandar bin Bandang; pegawai-pegawai kanan dari JSS, Kementerian Pendidikan, pihak Pentadbiran Sekolah Sukan serta ibu bapa dan ahli keluarga kontinjen.

Pendaftaran Run4Autism 2026 dibukakan



25TH ANNIVERSARY CHARITY RUN
6 SEPTEMBER 2026 BANDAR SERI BEGAWAN

Run4Autism

GOOD NEWS!
WE ARE EXTENDING OUR **DEADLINE!**
NEW DEADLINE
19 JULY 2026

REGISTER NOW!

SCAN ME

+673 7172991
+673 7450225

■ Siaran Akhbar dan Infografik : SMARTER Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 Julai. - Persatuan SMARTER Brunei membuka pendaftaran bagi Run4Autism 2026, sebuah acara larian amal yang dianjurkan untuk mengumpul dana bagi menyokong pembangunan perkhidmatan autisme di Negara Brunei Darussalam.

Acara berkenaan bertujuan menghimpunkan penyertaan daripada individu, keluarga, organisasi serta pelbagai lapisan masyarakat dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai autisme, menggalakkan amalan inklusif, di samping memberikan sokongan bermakna kepada individu autisme dan keluarga mereka.

Melalui penganjuran Run4Autism 2026, SMARTER Brunei berharap lebih ramai anggota masyarakat tampil memainkan peranan dalam memperkukuhkan sokongan terhadap komuniti autisme serta membantu memperluaskan penyediaan perkhidmatan berkaitan pada masa hadapan.

Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai acara tersebut sebagai tanda sokongan terhadap usaha murni berkenaan. Maklumat lanjut mengenai pendaftaran dan acara boleh diperoleh dengan menghubungi SMARTER Brunei di talian +673 7172991.



KELAS Dewasa Ugama mula dilaksanakan secara formal sejak tahun 1958 dan ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1963. Di samping itu, pada tahun 1967, Kelas Dewasa Al-Quran mula dilaksanakan. Pada tahun 1980, kedua-dua kelas tersebut disatukan menjadi Kelas Dewasa Ugama dan pada tahun 1986, ia ditempatkan di bawah kawalan Jabatan Pengajian Islam. Pembelajaran Al-Quran dalam Kelas Dewasa Ugama ini adalah bagi mendukung hasrat agar setiap warga yang menyertainya boleh membaca Al-Quran dengan baik secara bertajwid dan tartil.

SUMBER : www.mora.gov.bn

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ISLAM TIDAK MELARANG KITA Mencari DUNIA TETAPI MELARANG KITA DIPERHAMBAKAN OLEH DUNIA